



**POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD**  
(No Syarikat, 443169-X)  
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

**1.0 MAKLUMAT KORPORAT**

**LEMBAGA PENGARAH**

<b>Nama</b>	<b>Alamat</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Warganegara</b>
Dato' Hj Zakariya bin Mohamed <i>(Pengerusi)</i>	33 Jalan Paus Taman Indah Jaya 86000 Kluang Johor Darul Takzim	Pengarah Syarikat	Malaysia
Tay Kim Huat <i>(Pengarah Urusan)</i>	18-2, Jalan Bentayan 84000 Muar Johor Darul Takzim	Pengarah Syarikat	Malaysia
Tay Kim Hau <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	18-2, Jalan Bentayan 84000 Muar Johor Darul Takzim	Pengarah Syarikat	Malaysia
Ng Ah Poh <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	30, Jalan Sayang 84000 Muar Johor Darul Takzim	Pengarah Syarikat	Malaysia
Madzinah binti Mansor <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	18-0-3, Blok J Graceville Sembulan 88100 Kota Kinabalu Sabah	Pengarah Syarikat	Malaysia
Boo Chin Liong <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	20, Jalan Cenderawasih Kampong Merdeka 83000 Batu Pahat Johor Darul Takzim	Peguambela & Peguamcara	Malaysia

**JAWATANKUASA AUDIT**

<b>Nama</b>	<b>Pelantikan dalam Jawatankuasa Audit</b>	<b>Keahlian Pengarah dalam Poh Huat</b>
Boo Chin Liong	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Madzinah binti Mansor	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Tay Kim Huat	Ahli	Pengarah Urusan

<b>SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT</b>	:	Chai Koh Chan (MIA 3884) 35, Jalan Oz 15 Ozana Impian 75450 Melaka
		Yap Sow Leng (LS 006470) 234 Taman Sri Emas Jalan Sakeh 84000 Muar Johor Darul Takzim
<b>PEJABAT BERDAFTAR</b>	:	1-10, Tingkat 1 Jalan Arab 84000 Muar Johor Darul Takzim
<b>PENASIHAT DAN PENGURUS PENAJA JAMIN</b>	:	Malaysian International Merchant Bankers Berhad Tingkat 4, Bangunan MIDF 195A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
<b>PENAJA-PENAJA JAMIN</b>	:	Hwang-DBS Securities Berhad Aras 8, Wisma Sri Pinang 60, Green Hall 10200 Pulau Pinang
		MIDF Consultancy and Corporate Services Sendirian Berhad Tingkat 12, Bangunan MIDF 195A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
		MIDF Sisma Securities Sdn Bhd Tingkat 17 & 18, Empire Tower 182, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
		UT Securities Sdn Bhd Tingkat 12, Bangunan Mayban Trust 3, Penang Street 10200 Pulau Pinang
<b>BANK-BANK UTAMA</b>	:	HSBC Bank Malaysia Berhad 15 Jalan Petrie 84000 Muar Johor Darul Takzim
		Standard Chartered Bank Malaysia Berhad 2 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur

<b>JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR</b>	: SC Lim & Co. (Ahli-ahli Firma Perakaunan Antarabangsa B.R) Akauntan Awam 1-9, Tingkat 1 Jalan Arab 84000 Muar Johor Darul Takzim
<b>PEGUAMCARA</b>	: Jeff Leong, Poon & Wong Peguambela & Peguamcara A-11-3A, Aras 11 Megan Phileo Avenue Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur
<b>JURUNILAI</b>	: Colliers, Jordan Lee & Jaafar (M'cca) Sdn Bhd No. 669 & 669A Taman Melaka Raya 75000 Melaka
<b>RUMAH TERBITAN</b>	: MIDF Consultancy and Corporate Services Sendirian Berhad Tingkat 12, Bangunan MIDF 195A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
<b>PENDAFTAR SAHAM</b>	: Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd Tingkat 7, Exchange Square Bukit Kewangan 50200 Kuala Lumpur
<b>PENYENARAIAN DIPOHON</b>	: Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

## 2.0 RINGKASAN MAKLUMAT

Maklumat berikut dipetik daripada teks penuh Prospektus ini dan hendaklah dibaca bersama dengan teks.

### 2.1 Perniagaan

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan manakala kegiatan utama anak-anak syarikatnya adalah pengilangan dan penjualan perabot pejabat dan perabot rumah, pelaburan harta dan berurusniaga dalam barang perabot.

Keluaran Kumpulan Poh Huat terdiri daripada perabot, set pejabat dan perabot rumah dibuat terutamanya daripada bod zarah dan bod gentian ketumpatan sederhana. Perabot pejabat dan perabot rumah Kumpulan masing-masing dijual di bawah jenamanya sendiri, "AT Office System" dan "AT Home System". Kumpulan juga mengilang perabot "Small Office Home Office ("SOHO") dan set perabot hiburan dengan menggunakan kayu keras, bod zarah dan venir asli. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, lebih kurang 61% daripada jumlah jualan Kumpulan berjumlah sehingga RM55.56 juta telah dieksport ke lebih daripada 60 negara dalam dunia, dengan sebahagian besar dieksport ke Timur Tengah, Afrika dan Asia.

Kumpulan Poh Huat beroperasi daripada 5 buah kilang yang terletak di atas 5 bidang tanah perindustrian pegangan pajak di Kawasan Perindustrian di Bukit Pasir, Muar, Johor dengan jumlah keluasan tanah lebih kurang 16 ekar. Kawasan dibina dengan bangunan kilang bersama dengan blok pejabat dan bangunan sampingan berukuran lebih kurang 560,000 kaki persegi.

### 2.2 Sorotan Kewangan

Jadual berikut, yang telah dipetik daripada Laporan Akauntan dalam seksyen 14.0 Prospektus ini, adalah ringkasan keputusan proforma jumlah dagangan disatukan dan rekod keuntungan Kumpulan Poh Huat bagi 5 tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1999, disediakan berdasarkan akaun-akaun teraudit anak-anak syarikatnya dan atas andaian bahawa Kumpulan telah wujud sepanjang tempoh di bawah kajian. Proforma keputusan disatukan telah disediakan untuk tujuan gambaran sahaja dan hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota mengiringinya dan andaian-andaian yang dimasukkan dalam Laporan Akauntan.

	-----Tahun Kewangan berakhir 31 Oktober-----				
	1995 RM'000	1996 RM'00	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000
Jumlah dagangan	20,095	46,111	80,472	72,767	91,578
Keuntungan sebelum cukai	2,000	6,470	13,350	13,501	11,890
Cukai	(4)	(1,137)	(2,866)	(766)	(3)
Keuntungan selepas cukai	1,996	5,333	10,484	12,735	11,887
Bilangan saham diandaikan dalam terbitan ('00)	35,000	35,000	35,000	35,000	35,000
EPS kasar (sen)	5.71	18.49	38.14	38.57	33.97
EPS bersih (sen)	5.70	15.24	29.95	36.39	33.96

**Nota:-**

- (i) *Peningkatan dalam jumlah dagangan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 terutamanya boleh dikaitkan kepada peningkatan dalam keupayaan pengeluaran berikutan pembinaan 2 kilang baru dan pengembangan dalam rangkaian pengedaran tempatan dan luar negara. Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 adalah terutamanya akibat daripada margin keuntungan kasar yang bertambah baik disebabkan kejatuhan dalam kos bahan zarah, kecekapan pengeluaran yang bertambah baik dan ekonomi bidangan diperolehi melalui pengembangan dalam operasi perniagaannya.*
- (ii) *Peningkatan dalam jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 adalah terutamanya akibat daripada permintaan kukuh bagi keluarannya, pengurangan selanjutnya dalam kos bahan, kecekapan pengeluaran lebih baik dan ekonomi bidangan bertambah baik.*
- (iii) *Di sebalik kemerosotan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998, Kumpulan dapat mempertahankan keuntungan sebelum cukainya dengan menambah jualan siri perabot berharga tinggi dan keluaran mengikut tempahan kepada pelanggan-pelanggan luar negaranya, penjimatan ke atas kos bahan mentah timbul daripada diskain tunai diberi oleh pembekal-pembekal bagi belian tunai, langkah-langkah pengurangan kos diambil dan peningkatan dalam kecekapan pengeluaran.*
- (iv) *Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, jumlah dagangan bertambah dengan banyaknya terutamanya hasil daripada pelancaran rangkaian perabot SOHO dan set hiburan yang dikeluarkan di kilang baru terletak di Lot PTD 1547 dan 1548, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim dan peningkatan dalam permintaan terhadap perabot pejabat dari pasaran dalam negeri berikutan pemulihran ekonomi di Malaysia.*  
*Tanpa mengambil kira peningkatan dalam jumlah dagangan, keuntungan sebelum cukai Kumpulan herkurangan terutamanya akibat daripada kos permulaan awal ditanggung hasil daripada penubuhan kilang baru tersebut di atas dan tahap pengeluaran rendah dicapai oleh kilang baru dalam bulan-bulan awal operasinya.*
- (v) *Keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 termasuk bahagian keuntungan syarikat bersekutu sebanyak RM4,000.*
- (vi) *Kadar cukai berkesan adalah lebih rendah daripada kadar cukai pendapatan Malaysia bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, 1997 dan 1998 hasil daripada penggunaan elauan pelaburan semula dituntut. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996, kadar cukai berkesan lebih rendah adalah akibat daripada penggunaan elauan modal, Elauan Bangunan Perindustrian dan elauan pelaburan semula dituntut. Tiada cukai pendapatan telah dikenakan ke atas keuntungan diperolehi dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 memandangkan pendapatan diperolehi pada 1999 dikecualikan daripada cukai dibawah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.*
- (vii) *Proforma EPS kasar dan EPS bersih dikira masing-masing berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai, dibahagi dengan bilangan saham diandaikan dalam terhitam sebanyak 35,000,000 saham selepas Pengambilalihan.*
- (viii) *Tidak ada perkara luar biasa dalam kesemua tahun di bawah kajian.*

## 2.3 Maklumat Penting berhubung dengan Terbitan Awam

Modal Saham	RM
<b>Dibenarkan</b> 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>100,000,000</u>
<b>Diterbitkan dan berbayar penuh</b> 35,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	35,000,000
<b>Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam</b> 11,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	11,000,000
	<u>46,000,000</u>
 <b>Harga terbitan setiap saham</b>	 <b>RM1.80</b>
 <b>Proforma NTA Kumpulan</b>	
Proforma NTA Kumpulan pada 31 Oktober 1999 (selepas pelarasan bagi Pengambilalihan dan Terbitan Awam dan menolak anggaran perbelanjaan penyenaraian sebanyak RM1,300,000)	(RM'000) 65,908
Proforma NTA Kumpulan setiap saham berdasarkan modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak 46,000,000 saham	(RM) 1.43
 <b>Ramalan Keuntungan Disatukan</b>	
<b>Tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000</b>	
Keuntungan disatukan sebelum cukai	(RM"000) 12,811
Keuntungan disatukan selepas cukai	(RM"000) 10,211
 <b>Berdasarkan purata wajaran bilangan saham</b>	
Purata wajaran bilangan saham dalam terbitan	('000) 38,958
EPS kasar	(sen) 32.88
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham	(kali) 5.47
EPS bersih	(sen) 26.21
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham	(kali) 6.87
 <b>Berdasarkan modal saham yang diperbesarkan</b>	
Modal saham diperbesarkan	('000) 46,000
EPS kasar	(sen) 27.85
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham	(kali) 6.46
EPS bersih	(sen) 22.20
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham	(kali) 8.11

**Ramalan Dividen**  
**Tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000**

Dividen setiap saham (dikecualikan cukai)	(sen)	5.0
Kadar hasil dividen berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham	(%)	2.78
Lindungan dividen bersih	(kali)	4.44

**3.0 PERTIMBANGAN PELABURAN**

Sebelum membuat sesuatu keputusan pelaburan, bakal-bakal pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti, berdasarkan kepada keadaan dan objektif kewangan mereka sendiri, semua maklumat dalam Prospektus ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pertimbangan pelaburan yang berikut:-

**(a) Tiada pasaran terdahulu bagi saham Poh Huat**

Sebelum Terbitan Awam ini, tiada pasaran awam bagi saham-saham Poh Huat. Harga terbitan RM1.80 setiap saham bagi Saham Terbitan Awam telah ditentukan selepas mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada sejarah kewangan dan keadaan pengendalian Kumpulan, prospeknya dan prospek industri di mana Kumpulan beroperasi, pengurusan Kumpulan, harga pasaran syarikat-syarikat yang bergiat dalam perniagaan yang sama dengan perniagaan Kumpulan serta keadaan pasaran semasa.

Tiada jaminan bahawa harga terbitan ini akan sama dengan harga saham-saham Poh Huat akan diniagakan di Papan Kedua BSKL semasa atau selepas penyenaraiannya atau tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham Poh Huat akan wujud, atau jika wujud, tiada jaminan bahawa pasaran tersebut akan berkekalan.

**(b) Pertimbangan politik, ekonomi, kawal selia dan alam sekitar**

Perkembangan buruk dalam keadaan politik dan ekonomi, rangka undang-undang dan alam sekitar di Malaysia dan negara-negara lain yang Kumpulan mengeksport keluarannya boleh menjelaskan prospek kewangan Kumpulan. Ketidaktentuan tersebut merangkumi risiko peperangan, peraturan perdagangan antarabangsa, turun naik kadar faedah, kaedah percuakaian dan peraturan-peraturan tukaran mata wang.

**(c) Risiko perniagaan**

Kumpulan Poh Huat juga tertakluk kepada risiko-risiko yang wujud dalam industri perabot seperti kebolehdapatan bahan mentah dan kenaikan harga bahan mentah dan kos buruh, perubahan citarasa pelanggan, dan persaingan daripada para pengusaha yang sedia ada dan yang baru.

Walaupun Kumpulan Poh Huat berusaha untuk mengehadkan risiko-risiko perniagaannya melalui pelaburan dalam mesin-mesin berautomatik tinggi atau dengan mempunyai pangkalan pelanggan yang besar, rangkaian pasaran yang luas dan dasar pengurusan berhemat, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa langkah-langkah yang kini sedang dijalankan oleh Kumpulan Poh Huat akan berkesan pada masa depan, memandangkan persekitaran ekonomi dan perniagaan yang berubah-ubah di mana Kumpulan Poh Huat beroperasi.

(d) **Persaingan**

Keluaran Kumpulan menghadapi persaingan daripada pengilang perabot tempatan dan asing. Walaupun pihak pengurusan Poh Huat akan terus menggunakan strategi-strategi yang sesuai untuk meningkatkan kelebihan bersaingannya, namun tiada jaminan bahawa Kumpulan akan dapat mengekalkan struktur harga dan bahagian pasarnya yang sedia ada dalam pasaran tempatan dan eksport pada masa depan.

(e) **Pendedahan mata wang asing**

Kumpulan Poh Huat tertakluk kepada turun naik tukaran asing melalui import bahan mentah da eksport barang siap.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, kira-kira 61% daripada jumlah jualan Kumpulan PH Furniture dieksport, yang kira-kira 86% daripadanya diurusniagakan dalam Dolar Amerika, manakala import merupakan kira-kira 6% daripada jumlah kos bahan mentah. Dengan syarat RM terus ditetapkan nilainya berbanding Dolar Amerika dan jualan Kumpulan sebahagian besarnya terus diurusniagakan dalam Dolar Amerika, maka pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing adalah minimum.

Bagaimanapun, tiada jaminan bahawa turun naik tukaran asing pada masa depan tidak akan mendatangkan kesan buruk kepada Kumpulan.

(f) **Pergantungan kepada personel utama**

Syarikat percaya bahawa kejayaannya yang berterusan akan banyak bergantung kepada kebolehan dan usaha berterusan para Pengarah dan pengurusan kanannya yang sedia ada. Kehilangan mana-mana ahli utama dalam Kumpulan boleh menjelaskan kelebihan bersaingan Kumpulan. Bagaimanapun, setiap langkah kini telah diambil untuk mempersiapkan ahli-ahli pasukan pengurusan yang lebih muda bagi memastikan terdapatnya sumber-sumber pengurusan demi menjamin kesinambungan dan penggantian. Kejayaan masa depan Kumpulan Poh Huat juga bergantung kepada kemampuannya untuk menarik dan mengekalkan personel mahir.

(g) **Kawalan oleh pemegang saham utama**

Apabila selesainya Terbitan Awam, En. Tay Kim Huat dan abangnya, En. Tay Kim Hau dan orang-orang yang berkaitan dengan mereka akan secara kolektif memegang sejumlah 35.79% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar Poh Huat, manakala En. Ng Ah Poh akan memegang 14.94%. Bergantung kepada bagaimana mereka memilih untuk mengundi dan disebabkan oleh pemegangan saham mereka, pemegang-pemegang saham di atas akan mempunyai pengaruh yang besar ke atas hasil hal-hal tertentu yang memerlukan undi para pemegang saham Syarikat kecuali mereka dikehendaki tidak mengundi oleh undang-undang dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan.

(h) **Ramalan keuntungan**

Ramalan keuntungan adalah berdasarkan andaian-andaian yang dianggap oleh para Pengarah Poh Huat sebagai wajar dan munasabah pada ketika ini. Oleh sebab ramalan keuntungan ini berdasarkan pertimbangan yang subjektif dan memangnya tidak pasti, maka tiada jaminan bahawa ramalan ini akan terealis. Hasil-hasil sebenar mungkin sangat berbeza daripada hasil-hasil yang diramalkan. Para pelabur mestи membaca dan memahami andaian-andaian dan ketidaktentuan yang mendasari ramalan keuntungan ini.

(i) **Pendedahan kenyataan yang memandang ke hadapan**

Prospektus ini mengandungi kenyataan-kenyataan yang memandang ke hadapan, iaitu yang selain daripada kenyataan-kenyataan berbentuk fakta sejarah. Walaupun Kumpulan percaya bahawa jangkaan-jangkaan yang tergambar dalam kenyataan hadapan tersebut adalah wajar dan munasabah pada ketika ini, namun tiada jaminan bahawa jangkaan tersebut akan terbukti betul. Sebarang perbezaan dalam jangkaan Kumpulan daripada prestasi sebenarnya boleh menyebabkan prestasi dan rancangan kewangan dan perniagaan Kumpulan sangat berbeza daripada yang dijangkakan.

(j) **Pepijat alaf tahun 2000 (Y2K)**

Pada tarikh Prospektus ini, pepijat alaf Y2K tidak mendatangkan sebarang kesan kepada operasi perniagaan dan prestasi kewangan Kumpulan Poh Huat kerana Kumpulan telah mengambil langkah-langkah ke arah memastikan sistem maklumat dalamannya mematuhi keperluan Y2K sepenuhnya. Pepijat alaf Y2K juga tidak mendatangkan sebarang kesan kepada operasi pihak pendaftar saham Syarikat, Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd.

#### 4.0 PENGENALAN

Prospektus ini bertarikh 24 Februari 2000. Salinan Prospektus ini telah dikemukakan dengan dan didaftarkan oleh Pendaftar Syarikat, Malaysia yang tidak akan bertanggungjawab bagi isi kandungannya. Kelulusan telah diperolehi daripada SC bagi skim penyenaraian Poh Huat pada 1 Oktober 1999, butir-butir yang mana dinyatakan dalam Seksyen 8.2 Prospektus ini. Kelulusan SC tidak boleh diambil sebagai pertunjuk bahawa SC mengesyorkan Terbitan Awam. Pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk membuat penilaian bebas mereka sendiri mengenai Poh Huat dan hendaklah bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit-merit dan risiko-risiko mana-mana pelaburan.

Kelulusan pada dasarnya telah diperolehi daripada BSKL pada 14 Februari 2000 bagi kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL dan bagi kebenaran untuk berurusniaga dalam dan sebut harga bagi keseluruhan saham dalam Poh Huat yang diterbitkan dan berbayar, termasuk Saham Terbitan Awam yang merupakan subjek Prospektus ini. Saham-saham ini akan dimasukkan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL dan sebut harga rasmi akan bermula selepas menerima pengesahan daripada MCD bahawa kesemua akaun CDS pemohon yang berjaya telah dikreditkan sewajarnya dan notis peruntukan telah dihantar kepada semua pemohon yang berjaya.

SC dan BSKL tidak akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan-pandangan atau laporan-laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit Poh Huat atau saham-sahamnya.

**Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Seksyen 39(1)(j) Akta Syarikat, 1965, BSKL telah menetapkan Poh Huat sebagai sekuriti CDS. Selaras dengan itu, Saham Terbitan Awam akan didepositkan terus dengan MCD dan mana-mana urusniaga dalam saham-saham ini akan dijalankan selaras dengan Akta-akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan-peraturan MCD.** Pemohon hendaklah menyatakan nombor akaun CDS dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya beliau pada masa ini mempunyai akaun sedemikian dan pemohon tidak perlu memasukkan kod ADA pilihannya. Di mana pemohon pada masa ini belum lagi mempunyai akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya.

Tiada sesiapa dibenarkan untuk memberi sebarang maklumat atau membuat sebarang representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini berhubung dengan Terbitan Awam dan sekiranya diberi atau dibuat, maklumat atau representasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai telah dibenarkan oleh Poh Huat. Penghantaran Prospektus ini atau mana-mana penjualan yang dibuat berhubung dengan Prospektus ini tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun dan pada bila-bila masa merupakan representasi atau membentuk sebarang implikasi bahawa tiada perubahan dalam hal ehwal Poh Huat atau Kumpulan sejak tarikh Prospektus ini.

Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham Terbitan Awam adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi pengedaran Prospektus dan penjualan Saham Terbitan Awam di luar Malaysia. Sesiapa yang memiliki Prospektus ini adalah dikehendaki memaklumkan diri sendiri dan mematuhi arahan-arahan sedemikian. Prospektus ini tidak membentuk dan tidak boleh digunakan untuk tujuan tawaran untuk menjual atau pelawaan untuk membeli mana-mana Saham Terbitan Awam dalam mana-mana bidang kuasa dalam mana tawaran atau pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian.

**Sekiranya anda ragu-ragu tentang Prospektus ini, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguamcara, akauntan atau lain-lain penasihat profesional anda.**

## 5.0 MODAL SAHAM

	RM
<b>Dibenarkan:-</b>	
100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	100,000,000
<b>Diterbitkan dan berbayar penuh:-</b>	
35,000,000 saham biasa bbernilai RM1.00 sesaham	35,000,000
<b>Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam:-</b>	
11,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	11,000,000
	<hr/> <u>46,000,000</u>

Terdapat hanya satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Saham Terbitan Awam bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan lain-lain saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan dan berbayar bernilai RM1.00 sesaham, termasuk hak mengundi dan hak kepada semua dividen dan lain-lain pengagihan yang mungkin diisyiharkan selepas tarikh Prospektus ini.

Tertakluk kepada mana-mana hak khas yang terdapat pada mana-mana saham yang mungkin diterbitkan oleh Syarikat di masa hadapan, pemegang-pemegang saham biasa dalam Syarikat akan, mengikut perkadarannya kepada jumlah yang dibayar ke atas saham-saham yang dipegang oleh mereka, akan berhak untuk berkongsi dalam keseluruhan keuntungan yang dibayar oleh Syarikat sebagai dividen dan lain-lain pengagihan dan berhubung dengan keseluruhan lebihan jika sekiranya Syarikat dibubarkan.

Pada mana-mana mesyuarat agung Syarikat, setiap pemegang saham akan berhak untuk mengundi secara sendiri atau melalui proksi atau melalui perwakilan, dan, atas unjukan tangan, setiap orang yang hadir yang merupakan pemegang saham atau wakil yang dibenarkan atau proksi atau perwakilan pemegang saham akan mempunyai satu undi dan atas pengundian secara pol, setiap pemegang saham yang hadir sendiri atau melalui proksi atau melalui perwakilan atau lain-lain wakil yang diberi kuasa sewajarnya akan mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang. Proksi boleh tetapi tidak perlu menjadi ahli Syarikat.

## 6.0 BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM

### 6.1 Pembukaan dan Penutupan Senarai Permohonan

Senarai Permohonan bagi Terbitan Awam akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 8 Mac 2000 dan akan terus dibuka sehingga jam 8.00 malam pada hari yang sama atau tempoh atau tempoh-tempoh selanjutnya sebagaimana para Pengarah Poh Huat mengikut budi bicara mutlak mereka mungkin putuskan.

### 6.2 Butir-butir Terbitan Awam

Terbitan Awam adalah satu pelawaan oleh Syarikat kepada kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak, orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan, pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI dan pelabur-pelabur awam Malaysia, untuk memohon bagi 11,000,000 Saham Terbitan Awam pada harga terbitan RM1.80 setiap saham yang perlu dibayar penuh semasa permohonan, berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dibentangkan dalam Prospektus ini. Terbitan Awam akan menjadi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini dan atas penerimaan, akan diperuntukkan dalam cara berikut:-

#### (a) Pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan

3,300,000 Saham Terbitan Awam telah dirizabkan untuk pelabur-pelabur Bumiputera yang telah diluluskan oleh MITI

#### (b) Kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak dan sesiapa yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan

1,800,000 Saham Terbitan Awam telah dirizabkan untuk kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak serta sesiapa yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan.

#### (c) Orang-orang Awam Malaysia

5,900,000 Saham Terbitan Awam disediakan untuk permohonan oleh warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Bumiputera.

Sekiranya mana-mana saham di bawah perenggan (b) di atas tidak diambil oleh kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak dan orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan, bilangan saham-saham yang tidak dilanggan akan disediakan untuk permohonan oleh orang-orang awam Malaysia yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas.

### 6.3 Asas Pengiraan Harga Terbitan Awam

Harga terbitan RM1.80 setiap sahm telah ditentukan dan dipersetujui sepenuhnya oleh Syarikat dan MIMB, sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin, selepas mengambil kira pertimbangan faktor-faktor berikut:-

- (i) sejarah dan keadaan kewangan dan pengendalian Kumpulan;
- (ii) ekonomi Malaysia dan dunia, prospek dan rancangan masa hadapan industri perabot berasaskan kayu Kumpulan;
- (iii) ramalan pengganda PE bersih sebanyak 6.95 kali berdasarkan ramalan EPS bersih sebanyak 32.50 sen dikira berdasarkan purata wajaran bilangan saham dalam terbitan sebanyak 39,417,000 saham;

- (iv) proforma NTA Kumpulan sebanyak RM65.908 juta atau RM1.43 setiap saham pada 31 Oktober 1999; dan
- (v) ramalan kadar hasil dividen bersih sebanyak 2.78%.

#### 6.4 Tujuan Terbitan Awam

Tujuan Terbitan Awam adalah seperti berikut:-

- (a) Untuk membolehkan Poh Huat mendapat jaluan ke pasaran modal untuk mendapatkan sumber luar hutang dan dana ekuiti bagi pengembangan semasa dan masa depan, pemelbaigan, pemodenan dan pertumbuhan berterusan Kumpulan Poh Huat;
- (b) Untuk mendapatkan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham Poh Huat yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua BSKL; dan
- (c) Untuk menyediakan peluang kepada pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI, kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak, orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan dan pelabur-pelabur awam Malaysia untuk menyertai dalam ekuiti dan pertumbuhan berterusan Kumpulan Poh Huat.

#### 6.5 Perolehan Terbitan Awam

Terbitan Awam dianggar akan mendapat perolehan kasar sebanyak RM19,800,000 yang akan digunakan dalam cara berikut:-

	Nota	Jumlah RM'000
Pembentukan semula pembinaan bangunan kilang merangkap pejabat bersama dengan pemasangan elektrik dan pemadam api	(a)	3,200
Pembentukan semula pembelian mesin, pemasangan kelengkapan dan sampingan	(b)	9,000
Bayaran balik pinjaman bank	(c)	6,200
Anggaran perbelanjaan penyenaraian		1,300
Modal kerja		100
<b>Jumlah</b>		<b>19,800</b>

**Nota:-**

- (a) Kilang baru yang juga pejabat terletak di Lot PTD 1547 & 1548, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim mempunyai keluasan tanah seluas 4.75 ekar. Jumlah kawasan binaan bangunan kilang yang juga pejabat ini ialah kira-kira 157,691 kaki persegi. Kilang baru ini yang memulakan operasinya pada April 1999 memuatkan kemudahan pengeluaran Kumpulan yang baru untuk SOHO dan perabot set hiburan.

Jumlah kos pembinaan kilang baru dan pembelian pemasangan elektrik dan pemadam kebakaran berjumlah RM3.48 juta. Pinjaman tempoh berjumlah RM3.20 telah diperoleh untuk membayai pembinaan kilang baru yang setakat 11 Februari 2000 sebanyak RM2.671 juta masih belum dijelaskan. Apa-apa jumlah yang tinggal selepas pembayaran di atas akan digunakan bagi modal kerja Kumpulan.

Penjimatan faedah yang terhasil daripada pembinaan semula pembinaan kilang baru dianggarkan sebanyak kira-kira RM389,000 berdasarkan kepada kadar faedah 8.3% setahun setakat 11 Februari 2000. Sebarang jumlah yang tinggal selepas pembayaran balik tersebut akan digunakan untuk modal kerja.

(b) Mesin-mesin yang dibeli adalah seperti berikut:-

<i>Jenis Mesin/Peralatan/ Pemasangan</i>	<i>RM</i>
1 taliān mesin pelelas	1,427,424
1 taliān sembur bersepodu	1,470,000
1 taliān kitaran pendek (pelapisan venir)	2,015,018
Taliān penyediaan venir	2,144,890
1 unit mesin pemotong puting dua hujung	931,122
Sistem pengumpulan habuk dan sampingan	280,000
Penghantar bertonak	219,000
4 unit pemampat	315,500
1 set penjana	280,000
<i>Jumlah</i>	<i>9,082,954</i>

Mesin dan peralatan baru telah dibeli dari Jerman dan Itali untuk mengganti beberapa mesin yang sedia ada dan untuk mengilang siri perabot pejabat dan rumah yang baru. Pembelian mesin dan peralatan baru ini pada mulanya dibiayai melalui surat kredit tidak boleh mansuh sebanyak RM6.31 juta dan dana yang dijana secara dalaman sebanyak RM2.77 juta. Setakat 11 Februari 2000, jumlah kemudahan pinjaman perbankan yang masih belum dijelaskan pembelian tersebut berjumlah sebanyak RM5.49 juta. Apa-apa jumlah yang tinggal selepas pembayaran balik tersebut akan digunakan untuk modal kerja.

Mesin-mesin baru ini yang telah dipasang pada November 1998 akan meningkatkan kecekapan pengeluaran Poh Huat dan mengurangkan pergantungan kepada buruh. Mesin dan peralatan baru ini mempunyai keupayaan pengeluaran terpasang sebanyak 7,500 unit sebulan.

Penjimatan faedah yang terhasil daripada pembelian mesin, kelengkapan dan pemasangan dianggarkan sebanyak kira-kira RM2.18 juta berdasarkan kaedah faedah 8.3% setahun setakat 11 Februari 2000. Sebarang jumlah yang tinggal selepas pembayaran balik tersebut akan digunakan untuk modal kerja.

(c) Poh Huat akan menggunakan sebanyak RM6.20 juta daripada perolehan Terbitan Awam untuk membayar balik sebahagian pinjaman bank diperolehi untuk membayai pembelian tanah dan mesin dan pembinaan bangunan kilang. Pada 11 Februari 2000, Poh Huat telah membayar sebanyak RM752,000 daripada RM6.20 juta pinjaman bank dengan menggunakan modal kerjanya. Dengan itu, pinjaman bank yang belum dijelaskan pada 11 Februari 2000 ialah sebanyak RMS.25 juta. Apa-apa jumlah selebihnya selepas bayaran balik di atas akan digunakan untuk modal kerja Kumpulan.

Penjimatan faedah timbul daripada bayaran balik pinjaman bank dianggarkan lebih kurang RM312,000 berdasarkan kadar faedah pada 11 Februari 2000 yang di antara 8.3% hingga 8.5% setahun.

#### 6.6 Pembrokeran dan komisyen penaja jamin

Pembrokeran perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga terbitan RM1.80 setiap saham berhubung dengan permohonan berjaya yang membawa tanda cop MIMB, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIDFCCS.

Pengurus Penaja Jamin dan Penaja-penaja Jamin sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 1.0 Prospektus ini telah bersetuju untuk menaja jamin 5,900,000 Saham Terbitan Awam yang disediakan untuk langganan oleh warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia. Komisyen taja jamin perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.5% daripada harga terbitan RM1.80 setiap saham.

Saham-saham di bawah seksyen 6.2(a) di atas tidak perlu ditaja jamin. Sekiranya mana-mana daripada 1,800,000 saham di bawah seksyen 6.2(b) di atas tidak dilanggan, Pengurus Penaja Jamin selanjutnya bersetuju untuk menaja jamin mana-mana saham yang tidak dilanggan pada kadar 1.5% daripada harga terbitan RM1.80 setiap saham.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN POH HUAT

### 8.1 Maklumat mengenai Poh Huat

Poh Huat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 15 Ogos 1997 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama Singscape Sdn Bhd. Syarikat ditukar kepada syarikat awam berhad pada 20 Oktober 1997 dan menggunakan nama Singscape Berhad. Pada 15 November 1999, Syarikat menukar nama kepada Poh Huat Resources Holdings Berhad. Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

### 8.2 Langkah Penyenaraian awam

Sehubungan dengan dan sebagai sebahagian penting langkah penyenaraian Poh Huat pada Papan Kedua BSKL, Syarikat melaksanakan langkah berikut yang diluluskan oleh SC pada 1 Oktober 1999, FIC pada 11 September 1999 dan MITI pada 18 Ogos 1999:-

#### (a) Penilaian semula harta tanah

PH Furniture dan Yee Lu Fah melaksanakan penilaian semula harta-harta tanahnya. Berdasarkan laporan penilaian oleh firma jurunilai bebas, Colliers, Jordan Lee & Jaafar (M'cca) Sdn Bhd, disediakan atas kaedah perbandingan, kos dan pelaburan, harta-harta tanah PH Furniture dan Yee Lu Fah yang dinyatakan semula kepada nilai pasaran terbuka bernilai RM22,135,000.

Penilaian semula di atas menunjukkan lebihan sebanyak RM9,100,364 ke atas nilai buku bersih teraudit pada 31 Oktober 1998 sebanyak RM16,718,395. Lebihan penilaian semula tersebut telah digabungkan ke dalam akaun syarikat-syarikat berkenaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, yang mana RM4,545,608 dan RM4,554,756 dikaitkan masing-masing kepada PH Furniture dan Yee Lu Fah. Butir-butir harta tanah dibentangkan dalam seksyen 8.6 Prospektus ini.

#### (b) Penilaian semula pelaburan dalam anak-anak syarikat

PH Furniture juga telah menilai semula pelaburan dalam anak syarikat milik penuhnya, Yee Lu Fah, dengan menggabungkan lebihan yang timbul daripada penilaian semula harta tanah Yee Lu Fah ke dalam akaun terauditnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, butir-butir yang mana adalah seperti berikut:-

	RM
NTA teraudit Yee Lu Fah pada 31 Oktober 1998	1,187,528
Lebihan penilaian semula harta-harta tanah yang dimiliki oleh Yee Lu Fah	4,554,756
	<hr/>
Tolak: Kos pelaburan PH Furniture dalam Yee Lu Fah	(1,300,000)
Lebihan ke atas penilaian semula pelaburan dalam Yee Lu Fah	<hr/> <hr/> 4,442,248

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN POH HUAT

### 8.1 Maklumat mengenai Poh Huat

Poh Huat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 15 Ogos 1997 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama Singscape Sdn Bhd. Syarikat ditukar kepada syarikat awam berhad pada 20 Oktober 1997 dan menggunakan nama Singscape Berhad. Pada 15 November 1999, Syarikat menukar nama kepada Poh Huat Resources Holdings Berhad. Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

### 8.2 Langkah Penyenaraian awam

Sehubungan dengan dan sebagai sebahagian penting langkah penyenaraian Poh Huat pada Papan Kedua BSKL, Syarikat melaksanakan langkah berikut yang diluluskan oleh SC pada 1 Oktober 1999, FIC pada 11 September 1999 dan MITI pada 18 Ogos 1999:-

#### (a) Penilaian semula harta tanah

PH Furniture dan Yee Lu Fah melaksanakan penilaian semula harta-harta tanahnya. Berdasarkan laporan penilaian oleh firma jurunilai bebas, Colliers, Jordan Lee & Jaafar (M'cca) Sdn Bhd, disediakan atas kaedah perbandingan, kos dan pelaburan, harta-harta tanah PH Furniture dan Yee Lu Fah yang dinyatakan semula kepada nilai pasaran terbuka bernilai RM22,135,000.

Penilaian semula di atas menunjukkan lebihan sebanyak RM9,100,364 ke atas nilai buku bersih teraudit pada 31 Oktober 1998 sebanyak RM16,718,395. Lebihan penilaian semula tersebut telah digabungkan ke dalam akaun syarikat-syarikat berkenaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, yang mana RM4,545,608 dan RM4,554,756 dikaitkan masing-masing kepada PH Furniture dan Yee Lu Fah. Butir-butir harta tanah dibentangkan dalam seksyen 8.6 Prospektus ini.

#### (b) Penilaian semula pelaburan dalam anak-anak syarikat

PH Furniture juga telah menilai semula pelaburan dalam anak syarikat milik penuhnya, Yee Lu Fah, dengan menggabungkan lebihan yang timbul daripada penilaian semula harta tanah Yee Lu Fah ke dalam akaun terauditnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, butir-butir yang mana adalah seperti berikut:-

	RM
NTA teraudit Yee Lu Fah pada 31 Oktober 1998	1,187,528
Lebihan penilaian semula harta-harta tanah yang dimiliki oleh Yee Lu Fah	<u>4,554,756</u>
	5,742,284
Tolak: Kos pelaburan PH Furniture dalam Yee Lu Fah	<u>(1,300,000)</u>
Lebihan ke atas penilaian semula pelaburan dalam Yee Lu Fah	<u>4,442,248</u>

**(c) Pengambilalihan**

Poh Huat mengambil alih keseluruhan modal saham PH Furniture yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan sebanyak RM43,114,231 yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui terbitan 34,999,998 saham baru dalam Poh Huat pada harga terbitan lebih kurang RM1.23 setiap saham. Pengambilalihan telah selesai dilaksanakan pada 8 Disember 1999. Jumlah balasan pembelian dijelaskan sepenuhnya melalui peruntukan dan penerbitan saham baru dalam Poh Huat dalam cara berikut:-

<b>Penjual</b>	<b>Pemegangan saham dalam ----- PH Furniture -----</b>		<b>Saham baru Poh Huat ----- diterbitkan -----</b>	
	<b>Bil. saham</b>	<b>%</b>	<b>Bil. saham</b>	<b>%</b>
Sewina Sdn Bhd	1,845,000	30.00	10,499,999	30.00
Tay Kim Huat	1,732,500	28.17	6,871,951	28.17
Ng Ah Poh	1,207,500	19.63	3,869,384	19.63
Tay Kim Hau	679,906	11.06	1,575,000	11.06
Toh Bee Ching	276,750	4.50	1,161,954	4.50
Toh Ker Sin	204,172	3.32	1,161,954	3.32
Loi Hui Kim	204,172	3.32	10,499,999	3.32
Jumlah	<b>6,150,000</b>	<b>100.00</b>	<b>34,999,998</b>	<b>100.00</b>

Balasan pembelian sebanyak RM43,114,231 dicapai berdasarkan pembeli bersedia penjual bersedia selepas mengambil kira balasan NTA disatukan teraudit PH Furniture pada 31 Oktober 1998 sebanyak RM34,013,867 diselaraskan bagi lebihan penilaian semula sebanyak RM9,100,364 timbul daripada penilaian semula harta tanah.

Harga terbitan lebih kurang RM1.23 setiap saham Poh Huat dicapai selepas mengambil kira pengekalan rizab yang diperlukan di bawah garis panduan SC. 2 saham langganan telah dipindahkan kepada En Tay Kim Huat dan Sewina Sdn Bhd.

34,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 dalam Poh Huat telah diterbitkan bebas daripada semua caj, lien, bebanan dan bartaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham biasa Poh Huat sedia ada dan membawa semua hak untuk menerima sepenuhnya kesemua dividen dan lain-lain pengagihan yang diisyitikarkan dan kemudiannya dibayar kepada peruntukannya.

**(d) Terbitan Awam**

Poh Huat akan melaksanakan terbitan awam 11,000,000 saham baru pada harga terbitan RM1.80 setiap saham kepada pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI, kakitangan yang layak, orang-orang yang menyumbang kepada kejayaan Syarikat dan pelabur-pelabur awam Malaysia di bawah terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini.

**(e) Penyenaraian pada BSKL**

Poh Huat telah menerima kelulusan pada dasarnya daripada BSKL bagi penyenaraian dan sebut harga keseluruhan modal sahamnya yang diterbitkan dan berbayar sebanyak RM46,000,000 terdiri daripada 46,000,000 saham bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua BSKL.

### 8.3 Modal Saham Poh Huat

#### (a) Modal saham dibenarkan

Modal saham Poh Huat yang dibenarkan pada masa ini ialah RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

#### (b) Modal saham diterbitkan dan berbayar

Modal saham Poh Huat yang diterbitkan dan berbayar pada masa ini ialah RM35,000,000 terdiri daripada 35,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Butir-butir perubahan dalam modal saham berbayar sejak diperbadankan adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar Terhasil RM
15.08.97	2	1.00	Saham-saham pelanggan	2
08.12.99	34,999,998	1.00	Saham-saham diterbitkan lebih kurang RM1.23 setiap saham sebagai balasan bagi pengambilalihan PH Furniture	35,000,000

### 8.4 Anak syarikat dan syarikat bersekutu

Butir-butir anak syarikat dan syarikat bersekutu Poh Huat pada tarikh Prospektus ini, adalah seperti berikut:-

Nama	Tarikh/Tempat Pemerbadanan	Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar	Kepentingan Ekuiti Berkesan %	Kegiatan Utama
------	----------------------------	--------------------------------------	-------------------------------	----------------

#### *Anak Syarikat Poh Huat*

PH Furniture	10.06.1992/ Malaysia	RM6,150,000	100.00	Mengilang dan menjual perabot pejabat dan perabot rumah
--------------	-------------------------	-------------	--------	---

#### *Anak Syarikat PH Furniture*

Yee Lu Fah	16.12.1991/ Malaysia	RM265,000	100.00	Pelaburan harta dan pengedar perabot
------------	-------------------------	-----------	--------	--------------------------------------

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, Poh Huat tidak mempunyai mana-mana anak syarikat atau syarikat bersekutu lain pada tarikh Prospektus ini.

## 8.5 Maklumat mengenai PH Furniture

### (a) Sejarah dan Perniagaan

PH Furniture telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 10 Jun 1992 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama semasanya. Modal saham PH Furniture yang dibenarkan pada masa ini ialah RM10,000,000 terdiri daripada 10,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana 6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Kegiatan utama PH Furniture adalah pengilangan dan perdagangan rangkaian perabot pejabat kontemporari berdasarkan panel, set pejabat dan perabot rumah untuk pasaran eksport dan tempatan. PH Furniture juga mengilang perabot SOHO dan set perabot hiburan dengan menggunakan kayu keras, bod zarah dan venir asli.

### (b) Perubahan dalam Modal Saham

Butir-butir perubahan dalam modal saham PH Furniture yang diterbitkan dan berbayar sejak diperbadankan adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar Terhasil RM
10.06.92	2	1.00	Saham-saham pelanggan	2
18.12.92	49,998	1.00	Terbitan hak pada tara (24,999 untuk 1)	50,000
18.08.93	150,000	1.00	Terbitan hak pada tara (3 untuk 1)	200,000
22.06.94	200,000	1.00	Terbitan hak pada tara (1 untuk 1)	400,000
23.01.95	500,000	1.00	Terbitan hak pada tara (5 untuk 4)	900,000
29.03.95	500,000	1.00	Terbitan hak pada tara (5 untuk 9)	1,400,00
02.05.95	400,000	1.00	Tunai	1,800,000
08.06.95	450,000	1.00	Terbitan Bonus (1 untuk 4)	2,250,000
28.09.95	550,000	1.00	Tunai	2,800,000
17.07.96	1,300,000	1.00	Saham-saham diterbitkan pada tara sebagai balasan bagi pengambilalihan Yee Lu Fah	4,100,000
28.08.97	2,050,000	1.00	Terbitan hak pada tara (1 untuk 2)	6,150,000

## (c) Rekod Keuntungan dan Dividen

Jadual berikut, yang telah dipetik daripada Laporan Akauntan dalam seksyen 14 Prospektus ini, ringkaskan keputusan Kumpulan PH Furniture disedia berdasarkan akaun teraudit bagi 5 tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999.

	<b>Tahun Kewangan berakhir 31 Oktober</b>				
	<b>1995 RM'000</b>	<b>1996 RM'000</b>	<b>1997 RM'000</b>	<b>1998 RM'000</b>	<b>1999 RM'000</b>
Jumlah dagangan	20,095	45,538	80,472	72,767	91,578
Keuntungan sebelum cukai	2,006	6,190	13,350	13,501	11,890
Cukai	(4)	(1,137)	(2,866)	(766)	(3)
Keutungan selepas cukai	2,002	5,053	10,484	12,735	11,887
Purata wajaran bilangan saham dalam terbitan ('000)	1,785	3,180	4,465	6,150	6,150
EPS kasar (RM)	1.12	1.95	2.99	2.20	1.93
EPS bersih (RM)	1.12	1.59	2.35	2.07	1.93
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	30	125

*Nota:-*

- (i) *Peningkatan dalam jumlah dagangan PH Furniture bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 berbanding dengan 31 Oktober 1995 terutamanya boleh dikaitkan kepada peningkatan dalam keupayaan pengeluaran berikutan pembinaan 2 kilang baru dan pengembangan dalam rangkaian pengedaran tempatan dan luar negeri. Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 adalah terutamanya akibat daripada margin keuntungan kasar yang bertambah baik disebabkan kejatuhan dalam kos bahan zarah, kecekapan pengeluaran yang bertambah baik dan ekonomi bidangan diperolehi melalui pengembangan dalam operasi perniagaannya.*
- (ii) *Peningkatan dalam jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 adalah terutamanya akibat daripada permintaan kukuh bagi keluarannya, pengurangan selanjutnya dalam kos bahan, kecekapan pengeluaran lebih baik dan ekonomi bidangan bertambah baik.*
- (iii) *Di sebalik kemerosotan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998, PH Furniture dapat mempertahankan keuntungan sebelum cukainya dengan menambah jualan siri perabot berharga tinggi dan keluaran mengikut tempahan kepada pelanggan-pelanggan luar negerinya, penjimatan ke atas kos bahan mentah timbul daripada diskaun tunai diberi oleh pembekal-pembekal bagi belian tunai, langkah-langkah pengurangan kos diambil dan peningkatan dalam kecekapan pengeluaran.*
- (iv) *Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, jumlah dagangan meningkat dengannya akibat daripada pelancaran rangkaian perabot SOHO dan set pelaburan yang dikilang dalam kilang baru terletak di Lot PTD 1547 dan 1548, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim dan peningkatan dalam permintaan daripada pasaran dalam negeri berikutan pemulihan ekonomi di Malaysia.*

*Tanpa mengambil kira peningkatan dalam jumlah dagangan, keuntungan sebelum cukai merosot terutamanya akibat daripada kos penubuhan awal ditanggung akibat daripada pemubuhan kilang baru tersebut di atas dan tahap pengurangan rendah yang diperolehi oleh kilang baru pada bulan-bulan permulaan operasinya.*

- (v) *Keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 termasuk bahagian keuntungan syarikat bersekutu sebanyak RM4,000.*
- (vi) *Kadar cukai berkesan adalah lebih rendah daripada kadar cukai pendapatan Malaysia bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995, 1997 dan 1998 disebabkan penggunaan elaun pelaburan semula dituntut. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996, kadar cukai berkesan lebih rendah adalah akibat daripada penggunaan elaun modal, elaun pembangunan perindustrian dan elaun pelaburan semula dituntut. Tiada cukai pendapatan dikenakan ke atas keuntungan diperolehi dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 memandangkan pendapatan diperolehi 1999 dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.*
- (vii) *Tidak ada perkara luar biasa bagi kesemua tahun kewangan di bawah kajian.*
- (viii) *Tidak ada akaun Kumpulan disediakan bagi tahun kewangan 1995 memandangkan PH Furniture hanya mengambil alih Yee Lu Fah dalam tahun kewangan 1996.*
- (ix) *Dividen diisyiharkan dalam tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998 dan 1999 adalah dikecuali cukai.*

**(d) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu**

Pada tarikh Prospektus ini, PH Furniture mempunyai hanya satu anak syarikat, iaitu Yee Lu Fah dan tiada syarikat bersekutu.

**(e) Kakitangan**

Pada 11 Februari 2000, PH Furniture mempunyai sejumlah 730 kakitangan.

**8.6 Maklumat mengenai Yee Lu Fah**

**(a) Sejarah dan Perniagaan**

Yee Lu Fah telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 16 Disember 1991 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama semasanya. Pada masa ini, modal saham Yee Lu Fah yang dibenarkan ialah RM500,000 terdiri daripada 500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM265,000 terdiri daripada 265,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Kegiatan utama Yee Lu Fah adalah pelaburan harta dan pengedaran perabot dikilang oleh PH Furniture.

**(b) Perubahan dalam Modal Saham**

Perubahan dalam modal saham Yee Lu Fah yang diterbitkan dan berbayar sejak diperbadankan adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar Terhasil RM
16.12.91	2	1.00	Saham-saham pelanggan	2
01.07.92	2,998	1.00	Tunai	3,000
13.06.95	262,000	1.00	Tunai	265,000

**(c) Rekod keuntungan dan dividen**

Rekod keuntungan dan dividen teraudit Yee Lu Fah bagi tahun-tahun kewangan yang berakhir 31 Mei 1995 dan 31 Mei 1996, tempoh kewangan 17 bulan berakhir 31 Oktober 1997 dan bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998 dan 1999 diringkaskan seperti berikut:-

	<b>Tahun Kewangan berakhir 31 Oktober</b>				
	<b>1995</b>	<b>1996</b>	<b>1997</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Jumlah dagangan	-	573	4,237	3,375	3,715
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai Cukai	(6)	149	592	388	1,067
	-	(34)	(54)	(112)	(2)
(Kerugian)/Keutungan selepas cukai	(6)	115	538	276	1,065
Bilangan saham dalam terbitan ('000)	3	265	265	265	265
(Kerugian kasar setiap saham)/ EPS kasar (RM)	(200)	56.23	157.69*	146.42	402.64
(Kerugian bersih setiap saham)/ EPS bersih (RM)	(200)	43.40	143.31*	104.15	401.89
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	-	-

\*- Disetahunkan

**Nota:-**

- (i) Akhir tahun kewangan Yee Lu Fah telah diubah kepada 31 Oktober 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangannya PH Furniture.
- (ii) Peningkatan dalam jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 1997 adalah akibat daripada pengembangan dalam operasi perdagangannya berikutkan pelantikan ejen-ejen baru.
- (iii) Kadar cukai berkesan bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 dan 1997 adalah lebih rendah daripada kadar berkanun disebabkan penggunaan elaun pelaburan bangunan perindustrian untuk ditolak daripada pendapatan boleh dicukai.
- (iv) Tidak ada perkara luar biasa dalam tahun-tahun/tempoh-tempoh kewangan di bawah kajian.

**d) Anak syarikat dan syarikat bersekutu**

Pada tarikh Prospektus ini, Yee Lu Fah tidak mempunyai anak syarikat atau syarikat bersekutu.

e) **Kakitangan**

Pada 11 Februari 2000, Yee Lu Fah tidak mempunyai kakitangan dan kesemua fungsinya dijalankan oleh kakitangan PH Furniture.

## 8.7 Ringkasan Harta-harta

Butir-butir harta-harta Kumpulan Poh Huat adalah seperti berikut:-

<b>Pemilik/Lokasi</b>	<b>Keterangan / Kegunaan Semasa</b>	<b>Keluasan Tanah (Ekar)</b>	<b>Kawasan Dibina Bangunan/ Usia</b>	<b>Pegangan Tanah</b>	<b>NBV pada 31.10.98 RM</b>	<b>Penilaian Pasaran Terbuka</b>	<b>Lebihan Penilaian Semua</b>
							<b>Diluluskan oleh SC Berdasarkan NBV pada 31.10.98 RM</b>
<b><i>PH Furniture</i></b>							
Lot PTD. No. 1502 Kawasan Perindustrian Bukit Pasir Mukim Sungai Terap Daerah Muar, Johor	Tanah perindustrian dengan gudang, blok pejabat dan bangunan sampingan	2.66	70,176 k.p.s / 3 tahun	Pegangan pajak tamat pada 20.5.2056	2,995,796	2,936,456	5,070,000 2,074,204
Lot PTD. No. 1531 Kawasan Perindustrian Bukit Pasir Mukim Sungai Terap Daerah Muar, Johor	Tanah perindustrian dibina dengan 2 blok bangunan kilang satu tingkat dan bangunan sampingan	2.36	68,544 k.p.s / 3 tahun	Pegangan pajak tamat pada 5.9.2056	2,606,787	2,554,181	5,340,000 2,733,213
Lot PTD. No. 1547 & 1548 Kawasan Perindustrian Bukit Pasir Mukim Sungai Terap Daerah Muar, Johor	Tanah perindustrian dengan sebuah bangunan kilang dengan bangunan sampingan	4.75	-	Pegangan pajak tamat pada 5.9.2056	3,056,809	3,030,521	2,795,000 (261,809)
- Tanah - Bangunan	-	-	157,691 k.p.s / 1 tahun	3,683,759	4,225,066	-	-
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>9.77</b>	<b>296,411</b>	<b>-</b>	<b>12,343,151</b>	<b>7,255,587</b>	<b>13,205,000 4,545,608</b>
<b><i>Yee Lu Fah</i></b>							
1.0 PTD. No. 1546 Kawasan Perindustrian Bukit Pasir Mukim Sungai Terap Daerah Muar, Johor	Tanah perindustrian dengan satu blok bangunan kilang satu tingkat bersama dengan blok pejabat dan bangunan sampingan	4.00	125,034 k.p.s / 3 tahun.	Pegangan pajak tamat pada 5.9.2056	4,375,244	4,288,314	8,930,000 4,554,756
Jumlah		<b>13.77</b>	<b>421,445</b>		<b>16,718,395</b>	<b>11,543,901</b>	<b>22,135,000 9,100,364</b>

Nilai pasaran terbuka adalah berdasarkan Laporan Penilaian bertarikh 15 Oktober 1997 dan 22 Jun 1999, surat-surat kemas kini bertarikh 12 Februari 1998 dan surat-surat pengesahan bertarikh 17 Jun 1999 dan 26 Julai 1999 disediakan oleh Colliers, Jordan Lee & Jaafar (M'cca) Sdn Bhd menggunakan kaedah perbandingan, kos dan pelaburan penilaian dan diluluskan oleh SC. Sijil penilaian daripada Colliers, Jordan Lee & Jaafar (M'cca) Sdn Bhd mengenai harta-harta di atas dikemukakan dalam seksyen 13.0 Prospektus ini.

Lebihan timbul atas penilaian semula harta-harta di atas yang berjumlah RM9,100,364 telah digabungkan ke dalam Akaun Rizab Penilaian Semula PH Furniture dan Yee Lu Fah bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999.

## **8.8 Modal Kerja, Pinjaman, Liabiliti Kontigen dan Komitmen Modal**

### **(a) Modal Kerja**

Para Pengarah Poh Huat berpendapat bahawa selepas mengambil kira unjuran aliran tunai, kemudahan perbankan tersedia serta juga perolehan bersih daripada Terbitan Awam, Kumpulan akan mempunyai modal kerja yang mencukupi bagi keperluan semasa dan masa hadapan yang boleh diramalkan.

### **(b) Pinjaman**

Pada 11 Februari 2000, jumlah pinjaman bank, overdraf dan kemudahan perbankan Kumpulan yang belum dijelaskan adalah RM23,424,100.

### **(c) Liabiliti Kontigen**

Pada 11 Februari 2000 (merupakan tarikh paling munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), Kumpulan Poh Huat tidak mempunyai apa-apa liabiliti kontigen, modal kerja atau sekuriti hutang boleh ditukar belum dijelas atau dibentuk tetapi tidak diterbitkan tidak juga apa-apa gadai janji atau gadaian atau jaminan kecuali jaminan bank yang diberi kepada Tenaga Nasional Berhad dan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia yang berjumlah sebanyak RM681,250.

### **(d) Komitmen Modal**

Pada 11 Februari 2000, (merupakan tarikh paling munasabah bila mana jumlah tertentu boleh dikira sebelum Prospektus ini dicetak) Syarikat tidak mempunyai apa-apa perbelanjaan modal tidak dibenarkan dan dikontrakkan, tetapi tidak diperuntukkan dalam akaun-akaun Poh Huat.

## 8.9 Para Pengarah, Pengurusan Kanan dan Kakitangan

### (a) Lembaga Pengarah

**Dato' Hj. Zakariya bin Mohamed**, berusia 51 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Poh Huat pada 9 Disember 1999.

Beliau memperoleh Diploma Pengurusan Pejabat dari Institut Teknologi MARA pada tahun 1969. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Penaksiran dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) pada tahun 1969 dan memegang pelbagai jawatan sepanjang 24 tahun beliau berkhidmat dengan JHDN.

Semasa berkhidmat dengan JHDN, beliau telah memenangi beberapa anugerah perkhidmatan termasuk Eksekutif Terbaik/Cemerlang (1992) dan Jabatan Kerajaan Terbaik di negeri Melaka (1991) serta Prestasi Cawangan Terbaik untuk cawangan JHDNnya, sebelum bersara sebagai Pengarah JHDN pada tahun 1994. Selepas persaraannya daripada JHDN, beliau telah bergiat dalam beberapa usaha niaga harta dan pelaburan, dan kini merupakan pengarah beberapa syarikat sendirian berhad. Beliau telah dilantik ke Lembaga Pengarah PH Furniture pada 28 Februari 1998 sehingga sekarang ini.

**Tay Kim Huat**, berusia 44 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Poh Huat pada 9 Disember 1999.

En. Tay Kim Huat mempunyai pengalaman lebih 17 tahun dalam menguruskan perniagaan perabot. Beliau adalah pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan PH Furniture dan bergiat cergas dalam semua aspek pengendalian Kumpulan PH Furniture, terutamanya dalam aspek pembelian, perancangan pengeluaran serta kawalan dan pemasaran. Beliau merupakan daya penggerak utama di sebalik pengenalan barisan keluaran baru yang berterusan dan memainkan peranan penting dalam mengembangkan operasi perkilangan PH Furniture. Di bawah kepimpinan beliau, Kumpulan PH Furniture telah berkembang menjadi salah satu pengekspor perabot pejabat Malaysia yang utama. Beliau juga menjadi ahli lembaga pengarah beberapa syarikat swasta yang lain.

**Tan Kim Hau**, berusia 52 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Poh Huat pada 9 Disember 1999.

Selepas tamat persekolahannya di Muar pada tahun 1968, beliau menyertai Nippon Paint (M) Sdn Bhd sebagai penyelia pengeluaran dan telah dinaikkan pangkat ke beberapa jawatan sebelum meletakkan jawatan pada tahun 1996 sebagai Pengurus Kilang Nippon Paint (M) Sdn Bhd untuk menyertai PH Furniture sebagai Pengurus Besarnya. Nippon Paint (M) Sdn Bhd bergiat terutamanya dalam pengeluaran dan penjualan cat. Beliau telah dilantik ke Lembaga Pengarah PH Furniture pada 28 Februari 1998 dan kini diamanahkan dengan pengurusan keseluruhan operasi PH Furniture termasuk perancangan pengeluaran harian, kegiatan kawalan dan perkilangan PH Furniture, serta pembelanjawanan dan perbelanjaan modal, perancangan sumber manusia dan pengambilan kakitangan.

**Ng Ah Poh**, berusia 48 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Poh Huat pada 9 Disember 1999.

Di antara tahun 1987 hingga 1999, En. Ng Ah Poh berkongsi dengan En. Tay Kim Huat untuk membuat pengubahsuaian dalaman dan pengeluaran pelbagai jenis perabot rumah yang dibuat mengikut tempahan pelanggan untuk pasaran perabot tempatan. Pada tahun 1992, mereka berdua menubuhkan PH Furniture dan pada peringkat awal operasi PH Furniture, beliau terlibat dalam usaha pemasaran PH Furniture di luar negara. Pada masa ini, beliau tidak terlibat dalam operasi harian Poh Huat. Beliau juga mempunyai kepentingan perniagaan dalam beberapa syarikat sendirian berhad yang terlibat dalam pembuatan biskut dan konfeksi dan pemegangan pelaburan.

**Madzinah binti Mansor**, PJK, berusia 51 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Poh Huat pada 9 Disember 1999.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai jururawat apda tahun 1967 di Hospital Johor Bahru. Pada tahun 1984, beliau mewakili Malaysia dalam program pertukaran jururawat yang dianjurkan oleh Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara ("ASEAN") di Thailand. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Jururawat pada tahun 1986, iaitu jawatan yang dipegangnya sehingga beliau bersara pada 1 April 1999.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Persatuan Keluarga Polis ("PERKEP") bagi Pasukan Gerakan Am Briged Polis Diraja Malaysia di Sabah. Sebelum ini beliau juga telah memegang jawatan Pengerusi Eksekutif PERKEB Polis Dirajaya Malaysia di Raub, Muar dan Johor Bahru.

**Boo Chin Liong**, berusia 39 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Poh Huat pada 9 Disember 1999. Pada masa ini, beliau merupakan seorang peguambela dan peguamcara dan bergiat cergas dalam amalan guaman sejak 1986 lagi. Beliau merupakan rakan kongsi pengasas Tetuan C.L. Boo & Associates. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1985. Pada masa ini, beliau juga menjadi ahli lembaga pengarah Ramatex Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

(b) **Pengurusan Kanan**

Butir-butir mengenai pasukan pengurusan kanan PH Furniture adalah seperti berikut:-

**Toh Kim Chong**, berusia 25 tahun, merupakan Pengurus Kilang PH Furniture. Beliau mempunyai pengalaman kerja selama lebih 8 tahun dalam industri perabot. Beliau diambil bekerja oleh PH Furniture sebagai Penyelia Talian dan telah dinaikkan pangkat ke pelbagai jawatan dalam PH Furniture sebelum dinaikkan pangkat ke jawatannya sekarang sebagai Pengurus Kilang pada April 1997. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan harian kegiatan pengeluaran, pembangunan keluaran dan penambahbaikan proses. Beliau juga terlibat dalam perancangan dan penubuhan kemudahan-kemudahan perkilangan di Taman Perindustrian Bukit Pasir.

**Yeo Ann Siang**, berusia 39 tahun, merupakan Pengurus Kawalan Mutu PH Furniture. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Kebangsaan Taiwan pada tahun 1984. Sebelum menyertai PH Furniture pada Jun 1997 sebagai Pengurus Kawalan Mutu, beliau telah bekerja dengan beberapa buah syarikat yang bergiat dalam pengeluaran perabot rumah dan pejabat. Sebagai Ketua Jabatan Kawalan Mutu PH Furniture, beliau bertanggungjawab terhadap takrifan spesifikasi keluaran dan program kawalan mutu serta mempertingkatkan teknik dan prosedur kawalan mutu.

**Tay Keng Sing**, berusia 35 tahun, merupakan Jurutera Perindustrian PH Furniture. Beliau memperoleh Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif dari Kolej Tunku Abdul Rahman pada tahun 1989. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Teknikal pada tahun 1990 dengan Gallant Electronic Company (M) Sdn Bhd, iaitu pengeluar alat-alat elektronik. Pada tahun 1993, beliau menyertai Koda Woodcraft Sdn Bhd, iaitu pengilang set meja makan berasaskan kayu keras sebagai Jurutera Perindustrian. Beliau menyertai PH Furniture pada Julai 1996 dan beliau kini bertanggungjawab terhadap penyenggaraan mesin keseluruhan, penambahbaikan proses pengeluaran, serta perancangan dan reka bentuk aliran pengeluaran, dan pemasangan mesin PH Furniture.

**Lee Jok Sian**, berusia 41 tahun, adalah Pengurus Pemasaran PH Furniture. Beliau mengetuai Jabatan Pemasaran PH Furniture dan bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelarasan misi perdagangan luar negara. Pada tahun 1995-1997, beliau mempelopori usaha pemasaran PH Furniture di luar negara yang menyebabkan rangkaian pengedaran PH Furniture di luar negara berkembang. Pada masa ini, beliau bertanggungjawab terhadap fungsi-fungsi jualan dan kawalan kredit PH Furniture dan bergiat cergas dalam pembangunan program pemasaran dan promosi syarikat, perhubungan pelanggan dan pembangunan keluaran. Sebelum berkhidmat dengan PH Furniture pada tahun 1994, beliau bekerja dengan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad selama 13 tahun dengan jawatan terakhirnya sebagai Pengurus Kawalan Kredit.

**Toh Bee Ching**, berusia 28 tahun, merupakan Penolong Pengarah Urusan PH Furniture. Beliau menyertai Poh Huat pada tahun 1992 dan tanggungjawab beliau merangkumi pentadbiran pejabat keseluruhan, pemasaran, kewangan serta pengurusan kewangan dan jabatan perkapalan PH Furniture. Beliau juga terlibat dalam pembangunan keluaran dan kegiatan pemasaran Kumpulan.

**Choe Han Boon**, berusia 27 tahun, adalah Akauntan PH Furniture. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Perniagaan, mengkhusus dalam Perakaunan, Ekonomi dan Kewangan dari Royal Melbourne Institute Of Technology, Australia pada tahun 1994. Beliau merupakan Akauntan Awam Diperakui Australian Society of Certified Practising Accountants dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau merupakan Audit Kanan dengan Price Waterhouse sebelum meletakkan jawatan untuk menyertai PH Furniture pada September 1997 sebagai Akauntannya. Beliau bertanggungjawab terhadap pentadbiran keseluruhan pelaporan kewangan dan pengurusan serta fungsi-fungsi Pemprosesan Data Elektronik Kumpulan Poh Huat.

**Koo Ley Pooi**, berusia 31 tahun, yang kini merupakan Pengurusan Pembelian PH Furniture, bertanggungjawab dalam mencari dan mendapatkan bahan-bahan mentah dan kawalan inventori. Beliau memperoleh Diploma Perakaunan pada tahun 1989. Sebelum menyertai PH Furniture pada Jun 1995, beliau bekerja sebagai Audit Kanan dengan Farid Accounts and Tax Services, iaitu sebuah firma perakaunan awam di Johor Bahru.

**Chua Hee Chew**, berusia 30 tahun, merupakan Pengurus Personel PH Furniture. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera, mengkhusus dalam Psikologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Beliau juga memegang Diploma Pengurusan Personel dari Kolej Antarabangsa Newland, Johor. Beliau menyertai PH Furniture pada tahun 1996 sebagai Pegawai Personelin dan telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Personel pada 1 April 1997. Beliau bertanggungjawab terhadap perancangan sumber manusia dan pengambilan kakitangan, pentadbiran personel, senarai gaji dan fungsi-fungsi kebijakan kakitangan serta pentadbiran dan penyenggaraan pejabat am.

(c) **Hubungan antara Pengarah dan Pihak Pengurusan**

Toh Bee Ching dan Toh Kim Chong adalah adik-beradik. Selain yang dinyatakan, tiada sebarang hubungan kekeluargaan antara para Pengarah dan pasukan pengurusan kanan Kumpulan Poh Huat.

(d) **Kakitangan**

Setakat 11 Februari 2000, Kumpulan mempunyai seramai 730 orang kakitangan yang 548 orang daripadanya merupakan pekerja tempatan dan 182 lagi merupakan pekerja asing. Pihak pengurusan dan kakitangan Kumpulan mempunyai hubungan kerja yang baik. Tiada seorang pun kakitangan Kumpulan menjadi ahli kesatuan sekerja.

## 9.0 TINJAUAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

### 9.1 Keluaran Utama

PH Furniture bergiat terutamanya dalam pengilangan dan perdagangan perabot pejabat/set pejabat dan perabot rumah kontemporari berasaskan panel. PH Furniture mengeluarkan perabot pejabat dan perabot rumahnya sendiri yang masing-masing dijual di bawah jenama "AT Office System" dan "AT Home System". Ia juga mengeluarkan perabot rumah dan pejabat yang ditempah khas dan set hiburan untuk pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit perabot asing yang mantap.

AT Office System telah diperkenalkan pada tahun 1992. Ia mempunyai 12 siri set pejabat yang terdiri daripada set pejabat asas/ekonomi, set eksekutif sederhana dan mewah yang memenuhi keperluan pelbagai jenis pelanggan. Semua keluaran di bawah AT Office System direka bentuk berdasarkan konsep modular. Pelanggan mempunyai keleksibelan untuk menggabungkan perabot daripada siri yang berlainan untuk disesuaikan dengan peruntukan, ruang yang ada dan kehendak para pengguna yang berbeza-beza yang wujud dalam pejabat moden.

Untuk mempelbagaikan asas keluarannya, PH Furniture telah melancarkan perabot bilik tidur berasaskan panelnya yang dikenali sebagai "AT Home System" pada tahun 1997. Pada masa ini, AT Home System mengandungi 2 siri perabot bilik tidur, yang kedua-duanya direka bentuk khusus untuk remaja dan orang muda.

Pada tahun 1998, PH Furniture telah memperkenalkan "Open Plan System", iaitu salah satu siri perabot pejabat yang dijual di bawah "AT Office System". "Open Plan System" telah direka bentuk menurut konsep penyelesaian pejabat menyeluruh, di mana PH Furniture menawarkan perkhidmatan nilai ditambah kepada para pelanggannya melalui penyediaan sistem stesen kerja lengkap yang ditetapkan oleh pelanggan, yang terdiri daripada perabot pejabat yang dikilang oleh PH Furniture dan mendapatkan perabot pelengkap dan lekapan dari luar, seperti bod sesekat, kerusi, sistem pendawaian dan perkhidmatan pemasangan.

Pada tahun 1999, PH Furniture memulakan pengeluaran perabot SOHO yang ditempah khas dan perabot set hiburan untuk kegunaan rumah yang dieksport ke pasaran Amerika Syarikat dan Eropah. Perabot rumah tersebut dikeluarkan hasil daripada kerjasama erat antara PH Furniture dengan syarikat-syarikat pembelian asing yang tertentu.

"AT Office System" merupakan tanda perdagangan berdaftar menurut Akta Tanda Perdagangan 1976 dan Peraturan Tanda Perdagangan 1983, Kelas 20, Malaysia. Permohonan kepada Pendaftar Tanda Perdagangan bagi pendaftaran "AT Home System" telah dibuat dan kini sedang menunggu pendaftaran oleh pihak berkuasa.

Analisis jumlah dagangan Kumpulan Poh Huat bagi 5 tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999 mengikut keluaran utamanya diberikan di bawah:-

	1995 RM'000	%	1996 RM'000	%	1997 RM'000	%	1998 RM'000	%	1999 RM'000	%
AT Office System	20,084	100.0	45,538	100.0	79,996	99.4	64,164	88.2	72,477	79.1
AT Home System	-	-	-	-	476	0.6	558	0.8	502	0.6
Set hiburan	-	-	-	-	-	-	-	-	9,896	10.8
Barangan dibuat khas	-	-	-	-	-	-	8,045	11.0	8,703	9.5
Jumlah	20,084	100.0	45,538	100.0	80,472	100.0	72,767	100.0	91,578	100.0

### 9.2 Pasaran Utama

Pada masa ini, keluaran-keluaran Kumpulan dieksport ke lebih daripada 60 negara di dunia, manakala jualan tempatan dibuat melalui rangkaian kira-kira 485 pengedar dan peruncit tempatan. Jadual di bawah menunjukkan sumbangan jualan eksport dan jualan tempatan kepada jumlah dagangan Kumpulan bagi 3 tahun kewangan yang lalu berakhir 31 Oktober 1997 hingga 1999:-

<b>Destinasi</b>	<b>1997</b>		<b>1998</b>		<b>1999</b>	
	<b>RM'000</b>	<b>%</b>	<b>RM'000</b>	<b>%</b>	<b>RM'000</b>	<b>%</b>
Afrika	2,229	2.8	4,368	6.0	6,730	7.4
Amerika Utara dan Selatan	289	0.3	1,106	1.5	1,042	1.1
Australia dan Oceania	720	0.9	786	1.1	1,138	1.2
Eropah	1,303	1.6	1,959	2.7	4,111	4.5
Timur Tengah	7,546	9.4	11,469	15.8	16,160	17.7
Asia	30,166	37.5	24,920	34.2	26,374	28.8
Jumlah jualan eksport	42,253	52.5	44,608	61.3	55,555	60.7
Jualan tempatan	38,219	47.5	28,159	38.7	36,022	39.3
Jumlah jualan	80,472	100.0	72,767	100.0	91,577	100.0

### 9.3 Kemudahan Perkilangan

Poh Huat beroperasi dari premisnya sendiri yang terletak di tanah perindustrian seluas 13.77 ekar di Taman Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim. Kilang Bukit Pasir mengandungi 4 bangunan kilang, 2 bangunan pejabat yang juga bilik pameran, dan bangunan-bangunan sampingan, dengan kawasan binaan kesemuanya seluas kira-kira 421,445 kaki persegi. Poh Huat juga menyewa bangunan kilang yang mempunyai kawasan binaan seluas 59,769 kaki persegi yang terletak di tanah perindustrian seluas 2.23 ekar di Taman Perindustrian Bukit Pasir. Kilang yang disewa ini terletak bersebelahan dengan premisnya sendiri di Taman Perindustrian Bukit Pasir (secara kolektif dikenali sebagai "Kilang Bukit Pasir").

Kilang Bukit Pasir, beroperasi sebagai talian pengeluaran bersepada dalam satu giliran kerja 10 jam sehari 6 hari seminggu, mempunyai keupayaan pengeluaran terpasang kira-kira 90,000 unit sebulan. Pada masa ini, Kilang Bukit Pasir beroperasi pada keupayaan terpasang kira-kira 75.55%, dengan output pengeluaran sebenar kira-kira 68,000 unit sebulan.

Proses perkilangan Poh Huat ialah sama ada automatik sepenuhnya atau separuh automatik. Ia menggunakan pelbagai jenis mesin yang moden dan berteknologi maju yang diimport dari Jerman, Itali, Jepun dan Taiwan. Mesin-mesin ini direka bentuk untuk jumlah yang tinggi, pemprosesan automatik dan menggunakan teknologi terbaru dalam pemprosesan panel yang membolehkan spesifikasi reka bentuk pelbagai keluaran dimasukkan dan disimpan sebagai atur cara yang berasingan untuk jalanan pengeluaran serta-merta atau masa hadapan. Penggunaan mesin-mesin ini dan teknik-teknik perkilangan bantuan komputer juga membolehkan penggunaan teknik pemotongan yang optimum. Ini membolehkan Poh Huat mencapai pemulihan yang tinggi bagi sumber-sumber kayu, mengurangkan masa pengeluaran dan penglibatan manusia manual serta mengurangkan pembaziran.

Sebagai usahanya yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan pengeluarannya, Poh Huat baru-baru ini telah melabur dalam mesin-mesin/kelengkapan-kelengkapan baru yang menelan belanja lebih daripada RM10 juta dan membina sebuah bangunan kilang baru yang menelan belanja RM3.2 juta. Kilang dan mesin baru ini akan membolehkan Poh Huat memenuhi permintaan yang semakin bertambah daripada pasaran-pasaran perabot antarabangsa yang besar. Mesin-mesin baru ini menggunakan teknik perkilangan bantuan komputer dalam membuat perabot. Sebahagian perolehan daripada Terbitan Awam akan digunakan untuk membiayai semula pembelian mesin-mesin baru dan pembinaan kilang baru ini. Butir-butir mengenai penggunaan perolehan ini dinyatakan dalam seksyen 6.5 Prospektus ini.

### 9.4 Bahan Mentah

Bahan-bahan mentah yang digunakan oleh PH Furniture dalam mengilang perabot kebanyakannya terdiri daripada bod zarah, bod gentian ketumpatan sederhana ("MDF"), kayu keras, venir, reja kayu, kumai dan perkakasan. Perabot pejabat jenis ekonomi dan sederhana, yang merupakan sebahagian besar daripada keluarannya diperbuat daripada bod zarah, manakala perabot jenis mewah diperbuat daripada venir, kayu keras dan MDF.

Bod zarah dan MDF merupakan panel kayu tereka bentuk yang terdiri daripada gentian atau serpih kayu halus yang diadun dengan resin sintetik, dilekatkan di bawah kepanasan dan tekanan di dalam penekan panas. Panel-panel ini dibekalkan sama ada dalam bentuk kosong (permukaan licin, tiada kemasan) atau dilapiskan dengan venir kayu asli atau kertas hias atau dipadatkan dengan melamin.

Pada masa ini, PH Furniture membeli kira-kira 65% daripada bod zarahnya di dalam negara, manakala kira-kira 35% dibeli dari Thailand.

## 10.0 PROSPEK KUMPULAN POH HUAT

### 10.1 Pengenalan

Kegiatan utama Kumpulan Poh Huat ialah mengilang dan berdagang perabot pejabat/set pejabat dan perabot rumah kontemporari berasaskan panel. Keluaran Kumpulan dijual di pasaran tempatan dan juga eksport. Berdasarkan kepada kegiatan utamanya, prospek masa depan Kumpulan berkait rapat dengan keadaan dan harapan ekonomi dalam negeri dan dunia amnya, dan industri perkilangan perabot tempatan dan antarabangsa.

### 10.2 Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia telah pulih pada tahun 1999 daripada kesan deflasi yang teruk berikutan krisis kewangan serantau yang mengakibatkan penguncupan ekonomi 7.5% pada tahun 1998. Keluaran Dalam Negara Kasar benar yang telah menguncup pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini, iaitu 10.9% dan 10.3 % pada suku ketiga dan keempat 1998, telah mencatatkan penguncupan yang nyata lebih perlahan, iaitu 1.3% pada suku pertama berikutnya sebelum pulih dengan pertumbuhan positif 4.1% pada suku kedua 1999.

(*Sumber: Laporan Ekonomi 1999/2000, Kementerian Kewangan, Malaysia*)

Suku ketiga 1999 mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi sejak bermulanya krisis ini pada Julai 1997. Pada suku ketiga 1999, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar benar meningkat dua kali ganda kepada 8.1% berdasarkan tahunan berbanding sukuan sebelumnya yang hanya 4.1%. Ini menunjukkan bahawa Malaysia kini sudah keluar sepenuhnya daripada kegawatan kerana kegiatan ekonomi kini melebihi paras prakrisis. Pemulihan eksport telah menjadi lebih meluas dengan pertumbuhan eksport yang kukuh dicatatkan dalam sektor perkilangan, iaitu 25.1%. Kadar pertumbuhan yang kukuh juga dicatatkan dalam subsektor-subsektor seperti keluaran kayu (24.4%) dan keluaran perabot (32.8%).

Peningkatan pesat eksport barang perkilangan disokong oleh permintaan yang kukuh dari Amerika Syarikat, memandangkan pertumbuhan kukuh yang berterusan di Amerika Syarikat berbanding dengan jangkaan kemelesetan pada awalnya. Permintaan dari Eropah, Jepun dan juga negara-negara serantau juga mampan.

(*Sumber: Siaran akhbar Bank Negara Malaysia bertarikh 24 November 1999 – Pembangunan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Ketiga 1999*)

### 10.3 Ekonomi Sejagat

"Ekonomi dunia nampaknya beransur pulih daripada kemelesetan ekonomi sejahtera pada tahun 1998 akibat krisis ekonomi Asia, serta serangan pergolakan kewangan dan penularan yang berkaitan dengan krisis Rusia dan Brazil ... Bagi semua ekonomi Asia yang mengalami krisis, unjuran pertumbuhan bagi tahun 1999 telah dinaikkan dengan ketara .... Unjuran pertumbuhan di Jepun juga telah dinaikkan, di mana terdapat peningkatan yang ketara dalam kegiatan pada separuh pertama 1999 selepas pengecutan yang teruk pada tahun 1997-98. Pengukuran pertumbuhan yang diunjurkan di Eropah nampaknya menjadi kenyataan, manakala pengembangan Amerika Syarikat yang mengagumkan berterusan, tanpa banyak tanda-tanda kemunculan tekanan harga atau upah.

Banyaknya semakan menaik yang dibuat kepada unjuran yang lebih awal ini kini menunjukkan pertumbuhan sangat lebih kurang 3 peratus pada tahun 1999, ¾ daripada 1 peratus mata lebih tinggi daripada Harapan Ekonomi Dunia Mei 1999. Oleh itu, pertumbuhan sangat nampaknya jatuh ke paras yang paling rendah, iaitu 2½ peratus pada tahun 1998, yang berdasarkan unjuran itu merupakan kemelesetan ekonomi yang paling sederhana daripada empat kemesetan ekonomi dunia sepanjang tiga dekad yang lalu, walaupun sesetengah negara mengalami kemesetan ekonomi yang teruk. Bagaimanapun, ketidaktentuan yang besar masih lagi menyelubungi harapan ekonomi dunia bagi beberapa tahun yang akan datang. Jelaslah bahawa pengembangan Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang amat penting dalam menyederhanakan kemelesetan sangat; tetapi juga jelas bahawa untuk menghalang tekanan inflasi dalam negeri daripada menjadi bertambah kuat dan untuk membendung defisit akaun semasa luaran, maka kadar pertumbuhan di Amerika Syarikat perlu perlahan.”

(Sumber: Dana Kewangan Antarabangsa, Harapan Ekonomi Dunia Oktober 1999)

#### 10.4 Industri Perabot Malaysia

Industri eksport perabot telah berkembang daripada industri kotej pada tahun 1980-an kepada industri berbilion-bilion Ringgit pada hari ini. Industri perabot kayu tempatan telah mencatatkan pertumbuhan eksport yang tinggi, iaitu 30% setahun sepanjang lima tahun yang lalu (sejak 1998), mencecah nilai RM3.3 bilion tahun lalu (1994) berbanding hanya RM270 juta pada tahun 1990. Eksport perabot kayu yang menjadi penyumbang utama dalam industri kayu tempatan dijangka mencecah AS\$4.6 bilion atau RM17.48 bilion dalam masa kurang daripada lima tahun berbanding hanya AS\$868.4 juta atau RM3.3 bilion pada tahun 1998. (Sumber: Exports of wooden furniture set to hit RM17 bil, The Star, 18 Oktober 1999)

Usaha-usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan kegiatan hiliran kayu nilai ditambah terutama dalam pengilangan kayu untuk pasaran dalam negeri dan pasaran eksport. Kerajaan telah menjadikan industri ini menarik dengan menawarkan pelbagai insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986. (Sumber: Ringkasan Industri, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia – April 1996).

Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah mengenal pasti industri perabot sebagai salah satu industri yang mempunyai potensi eksport dan industri yang menggunakan sumber-sumber tempatan. (Sumber: Kenyataan akhbar Majlis Tindakan Ekonomi Negara bertarikh 28 Mac 1999 – “Perlunya Mengukuhkan Proses Pemulihan Ekonomi). Di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua, pengilangan perabot dianggap sebagai sektor keutamaan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang besar dan sumber perolehan pendapatan tukaran asing.

Bagaimanapun, prospek masa depan industri perabot Malaysia juga akan dipengaruhi oleh kemampuan untuk bersaing dengan pengilang-pengilang kos rendah dari China, Thailand dan Indonesia dan keupayaannya untuk bergerak naik ke segmen pasaran sederhana dan tinggi di mana para pengilang dari negara-negara seperti Kanada, Itali, Jerman, Taiwan dan Perancis mampu mendapat harga yang tinggi bagi keluaran mereka berdasarkan kualiti dan reka bentuk keluaran.

## 10.5 Rancangan Masa Depan Kumpulan Poh Huat

Berdasarkan harapan industri perabot dan ekonomi dunia yang positif, rancangan masa depan terdekat Poh Huat pada tahun 2000 akan menekankan faktor-faktor berikut:-

### (i) ***Pembangunan Keluaran***

Untuk terus kekal berdaya saing, penekanan diberikan kepada pembangunan keluaran dan penyelidikan pasaran. Poh Huat akan terus mempelbagaikan keluarannya untuk menghasilkan rangkaian keluaran perabot pejabat dan rumah yang komprehensif, manakala penerusan untuk mengemaskinikan reka bentuk keluarannya bagi memenuhi perubahan permintaan para pelanggannya yang datang daripada pelbagai latar belakang budaya dan gaya hidup. Pasukan penyelidikan dan pemasaran Poh Huat mempunyai 9 orang ahli dan diketuai oleh En. Tay Kim Huat.

### (ii) ***Pengembangan Pasaran***

Pasaran sejagat yang besar memberikan peluang kepada Poh Huat untuk mengembangkan asas pasaran eksportnya. Pelaburan baru-baru ini dalam mesin-mesin baru yang berjumlah lebih daripada RM10 juta dan pembinaan bangunan kilang baru yang menelan belanja RM3.2 juta dibuat untuk meningkatkan keupayaan perkilangan Kumpulan supaya ia dapat menampung keperluan yang semakin bertambah daripada pasaran perabot antarabangsa yang besar.

Sebelum ini, Kumpulan Poh Huat kebanyakannya mengeksport ke pasaran bukan tradisional seperti negara-negara Timur Tengah dan Afrika dan jualan ke pasaran Amerika Syarikat dan Eropah adalah minimum. Pada masa depan, di samping mengembangkan pasaran bukan tradisionalnya, Poh Huat juga merancang untuk menembusi segmen pasaran perabot mewah di Amerika Syarikat dan Eropah melalui kerjasama erat dengan pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit perabot asing yang mantap. Poh Huat merancang untuk meningkatkan penglibatannya dalam pasaran luar negara melalui penyertaan misi perdagangan yang aktif dalam pesta-pesta perabot antarabangsa dan menubuhkan agensi-agensi pengedaran yang baru.

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN

### 11.1 Proforma Rekod Keuntungan Disatukan

Dibentangkan di bawah adalah ringkasan proforma jumlah dagangan disatukan dan rekod keuntungan Kumpulan Poh Huat bagi 5 tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999, yang telah dipetik daripada Laporan Akauntan dalam seksyen 14.0 Prospektus ini dan disediakan berdasarkan andaian bahawa Kumpulan telah wujud sepanjang tempoh. Proforma keputusan disatukan telah disediakan untuk tujuan gambaran sahaja dan hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota mengiringinya dan andaian-andaian yang dimasukkan dalam Laporan Akauntan.

	<b>Tahun Kewangan berakhir 31 Oktober</b>				
	<b>1995</b> <b>RM'000</b>	<b>1996</b> <b>RM'000</b>	<b>1997</b> <b>RM'000</b>	<b>1998</b> <b>RM'000</b>	<b>1999</b> <b>RM'000</b>
Jumlah dagangan	20,095	46,111	80,472	72,767	91,578
Keuntungan sebelum cukai	2,006	6,470	13,350	13,501	11,890
Cukai	(4)	(1,137)	(2,866)	(766)	(3)
Keutungan selepas cukai	1,996	5,333	10,484	12,735	11,887
Bilangan saham diandaikan dalam terbitan ('000)	35,000	35,000	35,000	35,000	35,000
EPS kasar (sen)	5.71	18.49	38.14	38.57	33.97
EPS bersih (sen)	5.70	15.24	29.95	36.39	33.96

#### *Nota:-*

- (i) *Peningkatan dalam jumlah dagangan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 berbanding dengan 31 Oktober 1995 terutamanya boleh dikaitkan kepada peningkatan dalam keupayaan pengeluaran berikutan pembinaan 2 kilang baru dan pengembangan dalam rangkaian pengedaran tempatan dan luar negeri. Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996 adalah terutamanya akibat daripada margin keuntungan kasar yang bertambah baik disebabkan kejatuhan dalam kos bahan zarah, kecekapan pengeluaran yang bertambah baik dan ekonomi bidangan diperolehi melalui pengembangan dalam operasi perniagaannya.*
- (ii) *Peningkatan dalam jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 adalah terutamanya akibat permintaan kukuh bagi keluarannya, pengurangan selanjutnya dalam kos bahan, kecekapan pengeluaran lebih baik dan ekonomi bidangan bertambah baik.*
- (iii) *Di sebalik kemerosatan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998, Kumpulan dapat mempertahankan keuntungan sebelum cukainya dengan menambah jualan siri perabot berharga tinggi dan keluaran mengikut tempahan kepada pelanggan-pelanggan luar negerinya, penjimatan ke atas kos bahan mentah timbul daripada diskau tunai diberi oleh pembekal-pembekal bagi belian tunai, langkah-langkah pengurangan kos diambil dan peningkatan dalam kecekapan pengeluaran.*
- (iv) *Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, jumlah dagangan meningkat dengannya akibat daripada pelancaran rangkaian perabot SOHO dan set pelaburan yang dikilang dalam kilang baru terletak di Lot PTD 1547 dan 1548, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim dan peningkatan dalam permintaan daripada pasaran dalam negeri berikutan pemuliharaan ekonomi di Malaysia.*

*Tanpa mengambil kira peningkatan dalam jumlah dagangan, keuntungan sebelum cukai merosot terutamanya akibat daripada kos penubuhan awal ditanggung akibat daripada penubuhan kilang baru tersebut di atas dan tahap pengurangan rendah yang diperolehi oleh kilang baru pada bulan-bulan permulaan operasinya.*

- (v) *Keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1997 termasuk bahagian keuntungan syarikat bersekutu sebanyak RM4,000.*
- (vi) *Kadar cukai berkesan adalah lebih rendah daripada kadar cukai pendapatan Malaysia bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, 1997 dan 1998 hasil daripada penggunaan elaun pelaburan semula dituntut. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1996, kadar cukai berkesan lebih rendah adalah akibat daripada penggunaan elaun modal, Elaun Bangunan Perindustrian dan elaun pelaburan semula dituntut. Tiada cukai pendapatan telah dikenakan ke atas keuntungan diperolehi dalam tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 memandangkan pendapatan diperolehi pada 1999 dikecualikan daripada cukai dibawah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.*
- (vii) *Proforma EPS kasar dan EPS bersih dikira masing-masing berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai, dibahagi dengan bilangan saham diandaikan dalam terbitan sebanyak 35,000,000 saham selepas pengambilalihan PH Furniture.*
- (viii) *Tidak ada perkara luar biasa bagi tahun-tahun kewangan di bawah kajian.*
- (ix) *Tiada akaun untung rugi telah disediakan bagi Poh Huat memandangkan Syarikat belum lagi memulakan operasi sejak pemerbadanannya pada 15 Ogos 1997. Kesemua perbelanjaan ditanggung bagi pemerbadanan Syarikat sebelum permulaan perniagaan telah ditunda.*
- (x) *Keputusan Yee Lu Fah bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Mei 1995, 1996 dan tempoh 17 bulan berakhir 31 Oktober 1997 telah diagih mengikut masa untuk berakhir bersama dengan akhir tahun kewangan Kumpulan Poh Huat.*

## 11.2 Ramalan keuntungan disatukan dan andaian-andaian

Para Pengarah Poh Huat meramalkan bahawa, tanpa keadaan di luar jangkaan, keuntungan disatukan sebelum cukai dan keuntungan disatukan selepas cukai tetapi sebelum perkara luar biasa bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000 akan menjadi seperti berikut:-

Keuntungan disatukan sebelum cukai	(RM'000)	12,811
Keuntungan distukan selepas cukai	(RM'000)	10,211
Purata wajaran bilangan saham dalam terbitan	('000 saham)	*38,958
EPS kasar	(sen)	32.88
EPS bersih	(sen)	26.21
Harga terbitan setiap saham	(RM)	1.80
Pengganda harga perolehan kasar	(kali)	5.47
Pengganda harga perolehan bersih	(kali)	6.87

\* Mengandaikan bahawa Terbitan Awam selesai dilaksanakan pada pertengahan Mac 2000.

Asas-asas dan andaian-andaian utama ke atas mana ramalan keuntungan disatukan Poh Huat telah disediakan adalah seperti berikut:-

1. Tidak akan ada perubahan ketara dalam kegiatan utama semasa Kumpulan.
2. Tidak akan ada perubahan ketara dalam persekitaran ekonomi dan politik, kedua-dua dalam negeri dan luar negeri yang akan menjas kegiatan atau prestasi Kumpulan atau pasaran dalam mana ia beroperasi.
3. Tidak akan ada perubahan ketara dalam perundangan semasa dan peraturan-peraturan kerajaan yang mempunyai kesan buruk ke atas kegiatan Kumpulan atau pasaran dalam mana ia beroperasi.
4. Tidak akan ada turun naik ketara dalam kadar inflasi daripada tahap ramalan.
5. Tidak akan ada perubahan material dalam harga jualan barang siap, kos bahan, gaji, kos pengeluaran dan lain-lain kos berkaitan yang akan mempunyai kesan buruk ke atas prestasi Kumpulan.
6. Tidak akan ada pertikaian perindustrian besar, kerosakan dalam kemudahan pengeluaran atau gangguan dalam bekalan bahan mentah dan tenaga manusia atau lain-lain faktor luar biasa, kedua-dua dalam negeri dan luar negeri, yang akan mempunyai kesan buruk ke atas kegiatan dan prestasi Kumpulan.
7. Kemudahan pembiayaan sedia ada akan kekal tersedia dan tahap kadar faedah tidak akan berubah secara material daripada tahap lazim.

8. Program perbelanjaan moda dijangka akan mengambil tempat mengikut jadual dengan tiada perubahan material dalam kos atau harga daripada tahap semasa. Tidak akan ada pembelian atau pelupusan material aset tetap dan pelaburan selain daripada yang diperuntukkan.
9. Tidak akan ada perubahan ketara dalam struktur semasa cukai langsung dan tak langsung yang melibatkan kegiatan Kumpulan atau dalam mana ia beroperasi dan bahawa Kumpulan akan terus menikmati insentif elaun pelaburan semula dalam tempoh diliputi oleh ramalan.
10. Tidak akan ada perubahan ketara dalam struktur pengurusan, pusing ganti kakitangan dan polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Kumpulan.
11. Perolehan daripada terbitan awam akan diterima pada pertengahan Mac 2000.

**11.3 Surat Akauntan Melapor mengenai Ramalan Keuntungan Disatukan  
(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)**

Tarikh: 14 Februari, 2000

LEMBAGA PENGARAH  
POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI SINGSCAPE BERHAD)  
1-10 (Tingkat 1), Jalan Arab  
84000 Muar, Johor

Tuan-tuan

**PER: RAMALAN KEUNTUNGAN DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN AKAN  
BERAKHIR 31 OKTOBER 2000**

---

Kami telah mengkaji polisi perakaunan dan pengiraan bagi ramalan keuntungan disatukan Poh Huat Resources Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") untuk yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya, bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000 sebagaimana dibentang dalam Prospektus yang akan bertarikh 24 Februari, 2000 berhubung dengan Terbitan Awam 11,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD pada harga terbitan RM1.80 setiap saham dan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak 46,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada pendapat kami, Ramalan Keuntungan Disatukan, setakat mana polisi perakaunan dan pengiraan adalah berkenaan, telah disusun dengan teratur berdasarkan andaian yang dibuat oleh para Pengarah dibentangkan dalam Prospektus tersebut di atas dan disampaikan atas dasar seimbang dengan polisi-polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Kumpulan.

Yang benar

S.C. LIM & CO  
AF 0681  
Akauntan Awam

LIM SWEE CHONG  
1177/12/00(J)  
Rakan Firma

#### 11.4 Ramalan Dividen dan Polisi

Ia merupakan polisi para Pengarah Poh Huat untuk mengesyorkan dividen agar pemegang-pemegang saham boleh turut serta dalam keuntungan Kumpulan manakala pada masa yang sama memastikan bahawa terdapat rizab yang mencukupi bagi pertumbuhan masa depan Kumpulan.

Berdasarkan ramalan keuntungan disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000, para Pengarah Poh Huat meramalkan bahawa, dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan, Syarikat akan berkeupayaan untuk mencadang dividen dikecualikan cukai sebanyak 5% ke atas modal saham diperbesarkan sebanyak RM46,000,000 terdiri daripada 46,000,000 saham.

Pengasingan dihasratkan akan ramalan keuntungan disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000 akan menjadi seperti berikut:-

Tahun Akan Berakhir 31 Oktober 2000	RM'000
Keuntungan disatukan sebelum cukai	12,811
Cukai	(2,600)
Keuntungan disatukan selepas cukai	10,211
Cadangan dividen sebanyak 5.0% (dikecualikan cukai)	(2,300)
Keuntungan disatukan tertahan bagi tahun	7,911
Lindungan dividen bersih (kali	4.44
Kadar hasil dividen bersih berdasarkan harga terbitan RM1.80 setiap saham (%)	2.78

### 11.5 Proforma Kunci Kira-kira Disatukan

Proforma kunci kira-kira disatukan Poh Huat pada 31 Oktober 1999 sebagaimana dibentangkan di bawah disediakan untuk tujuan gambaran sahaja:

Nota	Kunci kira-kira teraudit Poh Huat pada 31 Okt 1999 RM'000	Proforma I		Proforma II
		Selepas penggabungan pengambilalihan RM'000	Selepas I dan terbitan awam RM'000	
Modal saham	2	*	35,000	46,000
Rizab	3	-	13,086	20,586
Dana pemegang saham		*	48,086	66,586
Cukai tertunda		-	830	830
Liabiliti jangka panjang		-	9,364	9,364
		*	58,280	76,780
Diwakili oleh:				
Aset tetap		-	49,043	49,043
Perbelanjaan tertunda	301	301	9	9
Aset tak ketara	-	669	669	669
Pelaburan	-	26	26	26
	301	50,039	49,747	
Aset Semasa				
Stok	-	20,346	20,346	20,346
Penghutang	-	17,403	17,403	17,403
Deposit tetap dengan bank berlesen	-	103	103	103
Tunai dan baki bank	*	10,277	29,069	
	*	48,129	66,921	
Liabiliti Semasa				
Pembiutang	301	18,164	18,164	18,164
Pinjaman jangka pendek	-	15,472	15,472	15,472
Peruntukan bagi cukai	-	102	102	102
Cadangan dividen	-	6,150	6,150	6,150
	301	39,888	39,888	
ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH	(301)	8,241	27,033	
Jumlah Aset	-	58,280	76,780	
(Liabiliti)/Aset ketara bersih setiap saham (RM)	(150,663)	1.35	1.43	

**NOTA KEPADA PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN PADA 31 OKTOBER 1999**

1. Proforma kunci kira-kira disatukan telah disediakan bagi tujuan gambaran berdasarkan akaun teraudit Poh Huat, PH Furniture dan Yee Lu Fah setakat 31 Oktober 1999 dan atas andaian bahawa urusniaga-urusniaga berikut telah pun berkuatkuasa pada 31 Oktober 1999.
  - (a) Proforma I menggabungkan yang berikut:-
    - (i) penilaian semula harta-harta tanah PH Furniture dan Yee Lu Fah berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh jurunilai bebas pada Jun/Julai 1999 dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Oktober 1999. Lebihan penilaian semula telah digabungkan ke dalam Akaun Rizab Penilaian Semula syarikat masing-masing dalam Kumpulan PH Furniture bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 berjumlah RM9,100,364.
    - (ii) penilaian semula oleh PH Furniture akan pelburannya dalam anak syarikat milik penuh, Yee Lu Fah sehingga nilai aset ketara bersih (NTA) pada 31 Oktober 1998 diselaraskan bagi lebihan penilaian semula harta tanah Yee Lu Fah. Lebihan penilaian semula sebanyak RM4,442,284 timbul daripada penilaian semula ini telah digabungkan ke dalam akaun Poh Huat Furniture.
    - (iii) pengambilalihan keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar PH Furniture terdiri daripada 6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM43,114,231 berdasarkan NTA teraudit kumpulan pada 31 Oktober 1998 diselaraskan bagi penggabungan lebihan penilaian semula sebanyak RM9,100,364 untuk dijelaskan melalui penerbitan 34,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Poh Huat pada harga terbitan lebih kurang RM1.23 setiap saham.
  - (b) Proforma II menggabungkan Proforma I dan yang berikut:-
    - (i) terbitan awam 11,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.80 setiap saham;
    - (ii) anggaran perbelanjaan penyenaraian sebanyak RM1,300,000 dihapus kira terhadap rizab premium saham.
  - (c) Proforma kunci kira-kira disatukan telah disediakan berdasarkan polisi-polisi perakaunan dan asas-asas yang seimbang dengan yang biasa diamalkan sebelum ini oleh PH Furniture dan anak syarikatnya.
  - (d) Proforma kunci kira-kira disatukan telah disediakan berdasarkan kaedah percantuman perakaunan selaras dengan peruntukan Piawai Perakaunan Malaysia No. 2.

**2. Modal Saham**

Pergerakan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar penuh Poh Huat selepas mengambil kira pengambilalihan anak-anak syarikat dan terbitan awam adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Pada 31 Oktober 1999	2
Saham-saham diterbitkan selaras dengan pengambilalihan keseluruhan modal diterbitkan dan berbayar penuh PH Furniture	34,999,998
Terbitan awam	<u>11,000,000</u>
Mengikut proforma kunci kira-kira disatukan (II)	<u>46,000,000</u>

**3. Rizab**

Rizab percantuman timbul daripada pengambilalihan Kumpulan Poh Huat Furniture adalah seperti berikut:-

	<b>Jumlah RM'000</b>
Nilai tara saham-saham diterbitkan	35,000
Nilai tara saham-saham diambil alih	<u>(6,150)</u>
	<u>28,850</u>

Rizab percantuman telah ditolak daripada rizab-rizab berikut:

	<b>Rizab penilaian semula RM'000</b>	<b>Akaun premium saham RM'000</b>	<b>Keuntungan tertahan RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Baki selepas pengambilalihan	9,100	-	32,836	41,936
Premium saham atas terbitan awam	-	8,800	-	8,800
	9,100	8,800	32,836	50,736
Tolak:				
Penolakan rizab percantuman	(9,100)	-	(19,750)	(28,850)
Anggaran perbelanjaan penyenaraian	-	(1,300)	-	(1,300)
	-	7,500	13,086	20,586

**11.6 Surat Akauntan Melapor mengenai Proforma Kunci Kira-kira Disatukan**  
(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)

Tarikh: 14 Februari, 2000

LEMBAGA PENGARAH  
POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI SINGSCAPE BERHAD)  
1-10 (Tingkat 1), Jalan Arab  
84000 Muar, Johor

Tuan-tuan

**PER: PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN PADA 31 OKTOBER 1999**

---

Kami telah mengkaji Proforma Kunci Kira-kira Disatukan POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") bersama dengan nota-nota kepadanya pada 31 Oktober 1999, untuk yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya, sebagaimana dibentang dalam Prospektus yang akan bertarikh 24 Februari, 2000 berhubung dengan Terbitan Awam 11,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD pada harga terbitan RM1.80 setiap saham dan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak 46,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada pendapat kami, Proforma Kunci Kira-kira Disatukan bersama dengan nota-nota mengiringinya, yang disediakan untuk tujuan gambaran sahaja, telah disediakan atas dasar seimbang dengan polisi-polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Kumpulan dan disampaikan dalam bentuk sesuai bagi kemasukan dalam Prospektus tersebut.

Yang benar

S.C. LIM & CO  
AF 0681  
Akauntan Awam

LIM SWEE CHONG  
1177/12/00(J)  
Rakan Firma

## 12.0 LAPORAN PENGARAH

(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)

### Pejabat Berdaftar:

1-10, Tingkat 1  
Jalan Arab  
84000 Muar  
Johor Darul Takzim

14 Februari 2000

Pemegang-pemegang saham Poh Huat Resources Holdings Berhad

Tuan/Puan

Bagi pihak Lembaga Pengarah Poh Huat Resources Holdings Berhad, saya laporkan selepas pertanyaan sewajarnya bahawa dalam tempoh dari 31 Oktober 1999 (merupakan tarikh kepada mana akaun teraudit Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang lepas telah disediakan sehingga 11 Februari 2000 (merupakan tarikh tidak awal dari empat belas (14) hari sebelum Prospektus ini dikeluarkan), bahawa:

- (a) perniagaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya, pada pendapat para Pengarah, telah diselenggarakan dengan memuaskan;
- (b) pada pendapat para Pengarah, tiada keadaan telah timbul sejak akaun teraudit Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang lepas yang menjas perdagangan atau nilai aset Syarikat atau anak-anak syarikatnya;
- (c) aset semasa Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang kelihatan dalam buku-buku pada nilai-nilai yang dipercayai boleh diperolehi dalam perjalanan biasa perniagaan;
- (d) tiada liabiliti kontingen telah timbul melalui alasan mana-mana jaminan diberi oleh Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya;
- (e) kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Proforma Kunci Kira-kira Disatukan Prospektus ini, tidak ada perubahan dalam rizab tercetak atau mana-mana faktor luar biasa yang melibatkan keuntungan Syarikat atau anak-anak syarikatnya.

Yang benar

Untuk dan bagi pihak  
Lembaga Pengarah  
**Poh Huat Resources Holdings Berhad**

**TAY KIM HUAT**  
Pengarah Urusan